

YAYASAN
JCORP

Memperkasa **Kualiti** Hidup

SEJAHTERA.
MANDIRI.
LESTARI.



LAPORAN TAHUNAN
2022

KANDUNGAN

2
Rasional Reka Bentuk

3
Visi dan Peranan

4
Perutusan Pengerusi

8
Perutusan Pengurus Besar

14
Perjalanan Yayasan JCorp

15
Pencapaian Yayasan JCorp 2022

16
Manfaat Program Yayasan JCorp

17
Ringkasan Statistik 2022

18
Ahli Lembaga Pemegang Amanah

19
Anggota Pekerja Yayasan JCorp

20
Maklumat Korporat

21
Bidang Fokus: Pendidikan

29
Bidang Fokus: Seni, Budaya dan Warisan

33
Bidang Fokus: Alam Sekitar

37
Bidang Fokus: Kesejahteraan Komuniti

42
Pendigitalan Yayasan JCorp

44
Pematuhan dan Tadbir Urus

46
Hala Tuju Yayasan JCorp 2023

48
Aktiviti dan Program 2022

61
Penyata Kewangan

78
Sekalung Penghargaan

RASIONAL REKA BENTUK



SEJAHTERA. MANDIRI. LESTARI.

Visual yang dipaparkan melambangkan matlamat bersama untuk mencapai kehidupan yang sejahtera, berdaya huni dan lestari di masa akan datang.

Johor Corporation (JCorp) dan syarikat Kumpulan melalui Yayasan JCorp sentiasa berganding bahu dalam mempromosi pertumbuhan positif dan membawa perubahan yang bermakna buat komuniti.

Perlambangan ini menyatakan komitmen kami untuk mewujudkan hari esok yang lebih baik bagi semua di samping dedikasi kami dalam meningkatkan kualiti kehidupan komuniti dan memastikan kelestarian alam sekitar.

MEMACU PERUBAHAN POSITIF

Yayasan JCorp memacu perubahan positif melalui pelaksanaan visi, misi dan peranan bagi 2022-2026

Yayasan JCorp sentiasa berdedikasi dalam memacu perubahan positif dan meningkatkan keupayaan dan kualiti kehidupan komuniti terutamanya di serata Johor dan seluruh negara. Sebagai badan pelaksana aktiviti tanggung jawab sosial korporat (CSR) Johor Corporation (JCorp) dan syarikat Kumpulan, penubuhan Yayasan JCorp selaras dengan matlamat organisasi untuk memberikan manfaat dan mewujudkan impak yang bermakna dalam kehidupan masyarakat sekitar.

Penyusunan semula Yayasan JCorp pada tahun 2021 untuk meningkatkan keberkesanan dan memperluas bidang perannya, menunjukkan komitmen tinggi

Yayasan JCorp untuk menjadi barisan hadapan yang bukan sahaja membawa perubahan positif, malah turut melaksanakan inisiatif-inisiatif yang memberi impak selaras dengan prinsip amalan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) yang diteladani.

Yayasan JCorp berusaha untuk mewujudkan peluang dan meningkatkan kualiti hidup semua golongan masyarakat melalui bidang fokus pendidikan; seni, budaya dan warisan; alam sekitar; dan kesejahteraan komuniti. Justeru, Yayasan JCorp telah menyediakan platform untuk pertumbuhan, pembelajaran, dan meningkatkan penglibatan komuniti di mana setiap individu mempunyai peluang untuk memperbaiki kehidupan masing-masing sekali gus memacu perubahan positif di dalam komuniti masing-masing.



VISI

Institusi terkemuka yang menyediakan platform untuk meningkatkan kualiti hidup dan sosioekonomi untuk semua lapisan masyarakat di seluruh negara



PERANAN


Cabang Tanggungjawab Sosial Korporat Johor Corporation berperanan mewujudkan impak yang lebih besar dan dikenali di peringkat tempatan dan antarabangsa

Memperkasa Kualiti Hidup


Improving Quality of Life




Pendidikan



Seni, Budaya & Warisan



Alam Sekitar



Kesejahteraan Komuniti

PERUTUSAN PENGERUSI

// JOHOR CORPORATION mempunyai visi untuk menjadi sebuah syarikat yang disegani atas kecemerlangan pencapaian kewangannya dan agenda ESG yang diteladani. //

ROZAINI MOHD SANI

Pengerusi Yayasan Johor Corporation





MEMBINA PENANDA ARAS UNTUK MENJADI YAYASAN TERKEMUKA

Assalamualaikum
Warohmatullahi-wabarokatuh

JOHOR CORPORATION mempunyai visi untuk menjadi sebuah syarikat yang disegani atas kecemerlangan pencapaian kewangannya dan agenda ESG yang diteladani. Manakala Yayasan Johor Corporation (Yayasan JCorp) pula berperanan sebagai badan utama dalam melaksanakan tanggungjawab korporat dan ESG Johor Corporation dan syarikat Kumpulan dalam memastikan misi Johor Corporation, 'Membina & Membela' dapat dijayakan.

Pandemik COVID-19 yang melanda dunia tidak menyekat Yayasan JCorp daripada meneruskan program bagi mencapai visi serta melunaskan perannya yang diterjemahkan melalui pelbagai inisiatif yang dilaksanakan sepanjang tahun 2022.

Yang lebih penting adalah visi dan peranan Yayasan JCorp kian jelas selepas institusi ini melalui proses penyusunan semula serta penambahbaikan menerusi **Perancangan Strategik Yayasan JCorp 2022-2026** dengan mendukung *tagline* - **Memperkasa Kualiti Hidup** (*Improving Quality of Life*). Perancangan ini menggariskan inisiatif bagi meningkatkan daya upaya Yayasan JCorp seiring persekitaran baharu pasca pandemik yang hadir bersama normal baharu serta memacu era digital yang turut mencetuskan ganggu gugat terhadap norma kehidupan dan sistem konvensional selama ini.

Syukur Alhamdulillah, selepas diberi amanah sebagai pelaksana aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) Johor Corporation (JCorp) serta syarikat Kumpulan, Yayasan JCorp terus berperanan menggalas tanggungjawab tambahan iaitu membantu melaksanakan **Pelan Kemampunan JCorp 2022-2026** bagi mencapai matlamat agenda Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

Pada masa sama, usaha terus dipertingkatkan bagi membina keupayaan dan kecekapan Yayasan JCorp sebagai **Pengintegrasian Sistem** (*System Integrator*) yang memudahkan, menghubungkan dan menyelaras 'stakeholder' merangkumi kerajaan Negeri dan Persekutuan, rakan korporat, NGO, ibu bapa, guru dan komuniti serta sukarelawan dalam soal saranan idea dan dana untuk kejayaan pelaksanaan CSR kepada kumpulan sasaran.

MEMBINA PENANDA ARAS YAYASAN JCORP

Dalam menjayakan amanah melaksanakan kedua-dua tanggungjawab baharu ini, ia menuntut Yayasan JCorp mempunyai satu tahap keupayaan (*capabilities*) dan kecekapan (*competencies*) yang tinggi. Justeru, **fokus kami kini adalah membina penanda aras Yayasan JCorp untuk menjadi sebuah yayasan yang terkemuka.**

// Justeru, fokus kami kini adalah membina penanda aras Yayasan JCorp untuk menjadi sebuah yayasan yang terkemuka. //

Pelaksanaan untuk membina penanda aras tersebut dijangka mengambil satu tempoh yang wajar sebelum Yayasan ini setanding institusi terbaik seumpamanya yang dinaungi syarikat multinasional dalam negara dan institusi serupa di peringkat serantau. Kami perlu menanda aras Yayasan JCorp dengan membuat perbandingan bagi memastikan matlamat, visi, misi dan institusi ini benar-benar memenuhi keperluan serta peranan yang diamanahkan.

Untuk itu, kami bukan sahaja sedang menggembelng sumber dan kepakaran dalaman bahkan mendapatkan khidmat perunding bebas berpengalaman untuk melaksanakan kajian penanda aras serta merangka pelan transformasi untuk Yayasan JCorp.

Membina penanda aras Yayasan JCorp dan transformasi ini juga adalah selari dengan usaha serta aspirasi supaya ditakrifkan semula masa depan institusi ini agar memiliki tahap *agility* atau ketangkasan dan daya upaya kalis masa depan yang lebih baik bagi melaksanakan peranan dengan lebih efisien.

Usaha membina penanda aras ini memerlukan perancangan rapi dan komprehensif. Ia seiring visi Yayasan JCorp iaitu menjadi **sebuah institusi terkemuka yang meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan sosioekonomi rakyat dari semua lapisan masyarakat**. Asalnya, Yayasan JCorp hanya memberi fokus kepada bidang **Pendidikan**, dan kini menambah tiga lagi **bidang fokus utama iaitu Seni, Budaya dan Warisan; Alam Sekitar; serta Kesejahteraan Komuniti** untuk mencapai visi tersebut.

PENCAPAIAN CEMERLANG SEPANJANG 2022

Sebagai institusi yang berorientasikan pencapaian, Yayasan JCorp amat menitikberatkan perancangan dan pelaksanaan. Hasilnya, sejumlah 12,317 orang telah menerima manfaat



melalui program Pendidikan Yayasan JCorp merangkumi pelajar, guru, ibu bapa, serta komuniti menerusi 438 sekolah di negeri Johor.

Keberhasilan program Pendidikan melalui kerjasama rapat Jabatan Pendidikan Negeri Johor turut menunjukkan kecemerlangan. Program Projek Tuisyen sekolah rendah dan menengah diperluas serta mendapat penglibatan sukarelawan untuk berkongsi pengetahuan dalam membantu meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar. Program Sustainable School berjaya mewujudkan ekosistem sekolah yang mampan dan mampu berdikari melalui aktiviti tanaman dan agrikultur di sekolah. Program ini juga, mendapat penglibatan antarabangsa daripada Temasek Foundation, Singapura dengan beberapa agensi terpilih untuk menggembelng kolaborasi meningkatkan kualiti program dengan penerapan elemen STEM dan teknologi bagi membantu projek tanaman di sekolah.

Menerusi program TVET dan Peningkatan Kemahiran pula, Yayasan JCorp dengan kerjasama QSR Brands (M) Holdings Bhd melaksanakan Program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) khusus untuk pelajar tingkatan 4 Sekolah Harian di Negeri Johor. Program SLDN ini merupakan satu latihan yang berlandaskan *industry driven* yang dikendalikan melalui usaha sama syarikat majikan dan institusi latihan/sekolah. Peserta yang mengikuti program ini juga akan melayakkan mereka untuk memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia tahap 3 bagi tempoh latihan selama 2 tahun.

Dengan menggembelng pemusatan tanggungjawab sosial korporat (*CSR centralisation*) dalam kumpulan, Yayasan JCorp serta syarikat Kumpulan telah menyalurkan sumbangan lebih **RM2.1 juta** bagi menjayakan program kesejahteraan komuniti meliputi bantuan kebajikan, kesihatan, bencana dan projek khas seperti pembinaan Rumah Hijau di Cerebral Palsy Johor, pembinaan kawasan riadah di Hospital Permai melalui Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor, sumbangan misi mangsa banjir dengan kerjasama Southern Volunteers serta bantuan kebajikan pembangunan pelajar di Universiti Teknologi Malaysia.

Ringkasnya, kesemua pencapaian ini adalah mengukuhkan proses sahsiah dan jati diri, pemupukan bakat, kreativiti, dan meningkatkan keadaan sosioekonomi masyarakat melalui pelbagai program yang merangkumi pembangunan kemahiran, peluang pekerjaan dan kebolehan digital serta keusahawanan.

// Bagi memastikan Yayasan JCorp terus relevan dan mampan pada tahun-tahun yang mendatang, kami telah mengenal pasti 8 fokus strategi utama untuk diberi penekanan pada tahun 2023. //

PELABURAN UNTUK MASA HADAPAN YANG LEBIH BAIK

Dalam keadaan yang tidak menentu dan masih samar, adalah wajar sekiranya kita berharap untuk masa hadapan yang lebih baik. Pada tahun 2023, masih wujud ketidakstabilan ekonomi dan potensi varian baharu COVID-19, di mana kita mesti berwaspada dan bersedia untuk menghadapi cabaran tersebut. Namun, kita harus berpandangan jauh dan melihat kepada peluang yang mungkin wujud pada masa akan datang. Kita perlu mempunyai sifat berdaya tahan dan proaktif untuk mengatasi sebarang cabaran dan membina masa hadapan yang lebih baik untuk diri kita dan orang sekeliling.

Bagi memastikan Yayasan JCorp terus relevan dan mampan pada tahun-tahun yang mendatang, kami telah mengenal pasti **8 fokus strategi utama** untuk diberi penekanan pada tahun 2023. Fokus utama strategi tersebut memberi penekanan daripada aspek Pendidikan Berkualiti, Penambahbaikan Kemahiran dan Peluang Pekerjaan, Pemuliharaan Warisan dan Kreativiti, Alam Sekitar, Penambahbaikan Sosioekonomi, Pendanaan, Pendigitalan serta Penjenamaan.

Dan ini bukan tentang perkara yang kami lakukan sebagai sebuah organisasi - namun dengan pihak yang kami bekerjasama. Itulah sebabnya fokus utama kami; membina kapasiti manusia dengan menyediakan peluang pendidikan, latihan dan pembangunan profesional untuk semua. Membangunkan tenaga kerja mahir dan berpengetahuan yang bukan sahaja boleh menyesuaikan diri dengan keadaan yang berubah-ubah, malah membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat merupakan salah satu daripada aspirasi Yayasan.

Ini akan dilaksanakan dengan kerjasama rakan strategik dan syarikat Kumpulan JCorp. Program ini merupakan sebahagian daripada perkara yang akan

dilaksanakan sepanjang 2023 dengan melibatkan bajet dianggarkan berjumlah RM10.7 juta.

JALINAN KERJASAMA MEMBANGUN KOMUNITI

Bagi pihak Yayasan JCorp, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan-rakan strategik seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Johor, Majlis Agama Islam Negeri Johor, Deloitte Malaysia, Malaysia Professional Accountancy Centre (MyPAC), Temasek Foundation, Persatuan Cerebral Palsy Johor, Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor, Yayasan Raja Zarith Sofiah Negeri Johor, Jabatan Pembangunan Kemahiran, Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MIEF), Jabatan Kebajikan Masyarakat, Southern Volunteers serta pihak media atas penglibatan, sokongan, komitmen dan kerjasama yang tidak berbelah bahagi dalam mencapai misi kami untuk meningkatkan kualiti hidup individu, keluarga dan komuniti.

Tidak dilupakan sokongan dan kerjasama kukuh dari Johor Corporation dan syarikat Kumpulan seperti Kulim (Malaysia) Berhad, QSR Brands (M) Holdings Bhd, JLand Group Sdn Bhd (JLG), dan KPJ Healthcare Berhad.

Syabas dan tahniah juga kepada semua warga kerja Yayasan JCorp, sukarelawan dan pihak komuniti yang telah menyokong, menayakan mahupun mengambil bahagian dalam program yang dilaksanakan.

Ternyata, aspirasi dan misi kami dapat direalisasikan menerusi sokongan, dedikasi serta kerjasama anda. Yayasan JCorp amat menghargai kepercayaan dan kerjasama yang diberikan. Harapan kami, komitmen ini dapat diteruskan pada tahun-tahun seterusnya. Semoga Allah SWT membalas kebaikan dan menganugerahkan imbuhan setimpalnya kepada kalian yang terlibat dengan program Yayasan selama ini. Kami turut mendambakan doa semua pihak semoga segala urusan Yayasan JCorp dipermudahkan, seterusnya diberi keupayaan dan dilimpahi inayatNya.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengenang Allahyarhamah Puan Noor Ruzilawati Ruddin, rakan sekerja kami yang dihormati. Semangat dan komitmen beliau untuk memberi impak positif kepada kehidupan orang lain telah meninggalkan kesan yang amat mendalam, baik pada organisasi mahupun komuniti setempat.



ROZAINI MOHD SANI

PERUTUSAN PENGURUS BESAR

// Program-program ini bertujuan menurunkan kadar kemiskinan, memastikan pendidikan yang inklusif dan adil serta Memperkasa Kualiti Hidup komuniti. //

WAN SU ALI

Pemangku Pengurus Besar Yayasan JCorp



EMPAT FOKUS UTAMA SEJAJAR MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN (SDG) PBB

Matlamat utama Yayasan JCorp ialah untuk mewujudkan kehidupan yang sejahtera, berdaya huni dan lestari di masa akan datang. Yayasan JCorp dan pihak berkepentingan sentiasa berganding bahu dengan komuniti dalam mempromosi pertumbuhan positif dan membawa perubahan yang bermakna. Komitmen dan dedikasi Yayasan JCorp untuk mencipta hari esok yang lebih baik untuk semua diperkukuhkan melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program di sepanjang tahun 2022.

Inisiatif dan program yang dilaksanakan oleh Yayasan JCorp dalam bidang fokus utama iaitu Pendidikan; Seni, Budaya dan Warisan; Alam Sekitar; dan Kesejahteraan Komuniti sejajar dengan pelbagai Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), seperti SDG 1 (Tiada Kemiskinan), SDG 2 (Kelaparan Sifar), SDG 3 (Kesihatan yang Baik & Kesejahteraan), SDG 4 (Kualiti Pendidikan), SDG 8 (Pekerjaan yang Sesuai dan Pertumbuhan Ekonomi), SDG 9 (Industri, Inovasi dan Infrastruktur), SDG 11 (Bandar dan Komuniti yang Mampan), SDG 13 (Tindakan Iklim), SDG 14 (Kehidupan di Bawah Air), SDG 15 (Kehidupan di Darat), dan SDG 17 (Kerjasama Demi Matlamat). Ini merupakan komitmen Yayasan JCorp dalam menyumbang kepada masa depan yang lestari, di samping memastikan pertumbuhan ekonomi seimbang dengan tanggungjawab sosial korporat dan pemeliharaan alam sekitar. Selain itu, program-program ini bertujuan menurunkan kadar kemiskinan, memastikan pendidikan yang inklusif dan adil serta Memperkasa Kualiti Hidup komuniti.

PENDIDIKAN

Yayasan JCorp meletakkan program pendidikan sebagai bidang fokus utama sejak institusi ini ditubuhkan pada 1997 dan keutamaan tersebut diteruskan secara konsisten dan penuh iltizam sehingga sekarang. Pemeraksanaan Pendidikan adalah usaha Yayasan JCorp mewujudkan peluang sama rata kepada pelajar kurang berkemampuan daripada golongan B40 untuk mencapai kecemerlangan dan mempunyai masa hadapan lebih baik sekali gus merubah status sosioekonomi keluarga masing-masing.

Antara program yang dilaksanakan termasuk menyediakan biasiswa dan bantuan pendidikan, menganjurkan program tuisyen dan menyumbang komputer riba serta mewujudkan Sustainable School.

Seramai 1,410 murid dari 47 sekolah rendah di seluruh Johor menerima manfaat daripada Projek Tuisyen Yayasan JCorp sepanjang 2022. Projek sama di peringkat sekolah menengah pula mengkhusus kepada subjek Ekonomi, Perniagaan dan Perakaunan yang dimanfaatkan kepada 1,350 pelajar dari 15 sekolah.



Sebagai tambahan kepada inisiatif ini, Yayasan JCorp melaksanakan program Sustainable School melibatkan 10 sekolah dengan penerapan elemen pendidikan **Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM)** di kalangan pelajar serta mendorong mereka melanjutkan kerjaya dalam bidang tersebut. Pada masa sama, seramai 184 peserta menyertai program TVET dan meningkatkan kemahiran (*upskilling*) yang dianjurkan bersama 19 syarikat majikan seperti Kulim (Malaysia) Berhad, KPJ Healthcare Berhad, rangkaian KFC dan Pizza Hut di samping syarikat majikan luar yang lain. Daripada jumlah itu, 28 peserta diserap menjadi pekerja tetap selepas mereka menamatkan latihan amali.



SENI, BUDAYA, DAN WARISAN

Yayasan JCorp menyedari kepentingan Seni, Budaya dan Warisan dalam memperkasa jati diri serta komuniti. Oleh itu, bidang fokus utama Seni, Budaya dan Warisan adalah bertumpu kepada program untuk mempromosi dan memelihara budaya, meraikan warisan dan seni, serta menyokong bakat penggiat seni dan persembahan tempatan.

Yayasan JCorp menyediakan platform untuk menjayakan inisiatif seni, budaya dan warisan di samping menggalakkan bakat seni serta melindungi tapak warisan budaya dengan kerjasama karyawan artis dan Seni Lukis Negara dan Yayasan Warisan Johor.

ALAM SEKITAR

Ada petikan kata-kata yang menyebut - *Insan yang baik adalah sahabat kepada seluruh alam yang hidup*. Petikan kata-kata lain - *Pemuliharaan adalah keadaan harmoni di antara manusia dan tanah*. Banyak petikan dan kata mutiara yang mengangkat alam sebagai keutamaan untuk dipelihara dan disantuni. Yayasan JCorp mengambil sebahagian daripada komitmen dan tanggungjawab itu apabila bekerjasama dengan organisasi tempatan dan agensi kerajaan untuk mempromosikan amalan lestari serta menyokong program pendidikan merangkumi tenaga lestari serta pemuliharaan alam sekitar dan sungai. Ini termasuk menganjurkan program penanaman pokok dan kitar semula mahupun membersihkan persekitaran.

// Yayasan JCorp menyedari kepentingan Seni, Budaya dan Warisan dalam memperkasa jati diri serta komuniti. //

Berkait dengan kelestarian dan mendukung bidang fokus utama Alam Sekitar, Yayasan JCorp menganjurkan **Program Kutip Sampah Sambil Beriadah (KUDAH)** di tiga lokasi di Pontian, pada Jun 2022. Ia bertujuan meningkatkan kesedaran sesebuah komuniti mengenai kepentingan menjaga kelestarian alam sekitar serta mempromosikan budaya mengutip sampah sambil beriadah.

Program berlangsung di Kampung Kukup Laut, Kampung Ayer Masin dan Kampung Benteng Kanan melibatkan 100 peserta termasuk pelajar dan anggota pekerja Universiti Teknologi Malaysia, Majlis Daerah Pontian, sukarelawan Sahabat Yayasan JCorp serta penduduk setempat.

Pencapaian lain sepanjang 2022 adalah apabila 460 individu telah mendaftar sebagai sukarelawan Sahabat Yayasan JCorp dan kepada yang berminat boleh mendaftar menerusi laman sesawang: www.yayasanjcorp.com.my



KESEJAHTERAAN KOMUNITI

Pandemik COVID-19 meninggalkan kesan mendalam kepada seluruh rakyat Malaysia, lebih-lebih lagi golongan yang kurang berkemampuan. Usaha Yayasan JCorp untuk memberikan kesan positif dan meningkatkan kualiti hidup komuniti terlibat diteruskan melalui pelbagai program kebajikan, kesihatan dan projek khas yang dilaksanakan dengan sokongan padu pelbagai pihak termasuk bantuan bencana yang telah disalurkan kepada mangsa di sepanjang 2022.

Antaranya, Yayasan JCorp dan syarikat Kumpulan JCorp menyalurkan sumbangan RM500,000 untuk kebajikan serta pembangunan pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Seterusnya sumbangan pembinaan Rumah Hijau di Cerebral Palsy Johor berjumlah RM40,000 dan pembinaan kawasan riadah di Hospital Permai kepada pesakit Kanser berjumlah RM165,301.75 dengan kerjasama Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor. Bantuan misi mangsa banjir turut dipergiat dengan kerjasama JCorp dan syarikat Kumpulan bersama Southern Volunteers berjumlah RM268,000 serta sumbangan program kesedaran kesihatan 'World Heart Day' berjumlah RM150,000 dengan kerjasama Persada Johor & KPJ Healthcare Bhd.

Yayasan JCorp komited meningkatkan keadaan sosioekonomi melalui pelaksanaan pelbagai program yang meliputi antaranya kesukarelawanan, kesejahteraan, kesihatan selain bantuan perubatan dan bantuan bencana.

PERBELANJAAN 2022

Pada tahun 2022, Yayasan JCorp telah memperuntukkan perbelanjaan berjumlah RM4.6 juta untuk membiayai pelbagai program CSR yang melibatkan komuniti dan pihak yang berkepentingan. Inisiatif-inisiatif pada tahun 2022 berjaya direalisasikan hasil sokongan dan dukungan daripada pelbagai pihak. Yayasan JCorp ingin menyatakan penghargaan kepada semua pihak yang telah membantu, menyumbang dan menyokong pelaksanaan program, projek dan aktiviti yang telah memberikan nilai yang sangat besar kepada setiap individu yang terlibat.



Bagi tempoh sama, Yayasan JCorp menerima sumbangan daripada JCorp dan syarikat Kumpulan melalui program tahunan, *project based* dan projek Khas berjumlah RM4.35 juta manakala RM1 juta lagi sumbangan dari luar. Selain itu, sepanjang 2022, Yayasan JCorp turut menerima sumbangan berbentuk barangan 'in-kind' berjumlah lebih RM2 juta yang diperoleh melalui program sumbangan buku, komputer, sumbangan banjir, benih pokok dan kos pengajar sukarelawan daripada rakan strategik kami.

BERSAMA MEMACU PERUBAHAN POSITIF

Inisiatif sepanjang tempoh 2022 berjaya direalisasikan hasil sokongan dan dukungan daripada pelbagai pihak. Justeru, pada ruang dan kesempatan ini Yayasan JCorp menyatakan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah membantu, menyumbang dan menyokong pelaksanaan program, projek dan aktiviti Yayasan yang telah memberi manfaat serta impak nilai yang sangat besar kepada setiap individu terlibat.

// Yayasan JCorp komited meningkatkan keadaan sosioekonomi melalui pelaksanaan pelbagai program... //



// **Kolaborasi dan sokongan dari semua pihak memainkan peranan penting dalam usaha Yayasan JCorp memperkasa kualiti hidup komuniti. //**

Bak kata pepatah - *Orang berbudi, kita berbahasa*. Orang memberi, kita merasa. Oleh itu, Yayasan JCorp merakamkan ucapan *'terima kasih daun keladi'* kepada **Johor Corporation** dan syarikat Kumpulan iaitu **Kulim (Malaysia) Berhad, KPJ Healthcare Berhad, QSR Brands (M) Holdings Bhd dan JLand Group Sdn Bhd serta Waqaf An-Nur Corporation Berhad** yang memberi sokongan padu sehingga menjadikan program yang dirancang sebagai realiti.

Yayasan JCorp turut merakamkan rasa terima kasih kepada rakan strategik iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Johor, Majlis Agama Islam Negeri Johor, Deloitte Malaysia, Malaysia Professional Accountancy Centre (MyPAC), Temasek Foundation, Persatuan Cerebral Palsy Johor, Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor, Yayasan Raja Zarith Sofiah Negeri Johor, Jabatan Pembangunan Kemahiran, Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MIEF), Jabatan Kebajikan Masyarakat, Southern Volunteers serta pihak media atas penglibatan, sokongan, komitmen dan kerjasama yang dijayakan.

Tidak lupa sekalung ucapan sama kepada **rakan media - akhbar dan portal berita serta stesen televisyen dan radio** yang sentiasa menyokong program Yayasan JCorp melalui liputan berita, promosi dan hebahan. Kolaborasi dan sokongan dari semua pihak memainkan peranan penting dalam usaha Yayasan JCorp memperkasa kualiti hidup komuniti. Kami berharap, kerjasama dan kolaborasi ini akan diteruskan pada masa akan datang dan bersama-sama kita memacu perubahan positif untuk kesejahteraan dan kemakmuran komuniti akar umbi.

Hanya Allah SWT yang akan membalas budi dan jasa yang dicurahkan seterusnya mempermudah segala urusan kita dalam menjayakan program demi kesejahteraan komuniti yang disasarkan.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan salam takziah kepada keluarga, rakan sekerja, dan kenalan atas pemergian Allahyarhamah Puan Noor Ruzilawati Ruddin. Saya percaya Allahyarhamah telah menjadi sumber inspirasi ramai dan banyak menyumbang tenaga serta jasa dalam memperkasa pendidikan dan sosio ekonomi komuniti yang memerlukan. Kami akan meneruskan aspirasi dan usaha-usaha Allahyarhamah untuk membantu meningkatkan kualiti hidup komuniti tanpa mengira latar belakang, bangsa dan agama.

WAN SU ALI



LEGASI KEPIMPINAN MENCETUS PERUBAHAN

*A*llahyarhamah Noor Ruzilawati Ruddin, merupakan pemimpin berdedikasi yang telah mewujudkan transformasi luar biasa dalam tempoh perkhidmatan beliau di Yayasan JCorp.

Antara lain termasuklah memperluas bidang fokus dan inisiatif yang memberi tumpuan kepada isu-isu utama, seperti membantu komuniti dalam mengatasi impak COVID-19, meningkatkan kemahiran individu, memberi sokongan kepada golongan B40, dan memperkasa usahawan muda di Johor.

Usaha dan komitmen tanpa lelah Noor Ruzilawati telah memberikan manfaat yang besar kepada pelbagai lapisan masyarakat terutamanya Bangsa Johor. Legasi beliau dalam usaha meningkatkan kualiti hidup komuniti secara menyeluruh akan diteruskan.

AL-FATIHAH

PERJALANAN YAYASAN JCORP



Memperoleh kelulusan Pelepasan Cukai oleh LHDN (Subseksyen 44(6), Akta Cukai Pendapatan 1967) **(15 Ogos 1997)**

- Bidang kuasa dalam menyediakan kemudahan daripada segi latihan dan program kepada para usahawan termasuk para pelajar di dalam bidang pengurusan dan kewangan
- Program : Projek Tuisyen, Sumbangan & Bantuan

Penstrukturan Semula Yayasan JCorp:

- Kelas Rancangan Usahawan
- Pendidikan Celik Kewangan Pro Du-IT
- Semarak Jawi
- Galakan Membaca Books for Asia

2 Bidang Fokus Utama:

- Pendidikan
- Kesejahteraan Komuniti

Menyokong Agenda ESG JCorp 2022-2026

1997

Yayasan Perbadanan Johor telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai sebuah Syarikat Berhad Menurut Jaminan **(9 Jun 1997)**

1999

2006

Menukar nama kepada Yayasan Johor Corporation **(11 Disember 2006)**

2016

2018

Pindaan & Tambahan Objektif Penubuhan dalam Perlembagaan Yayasan JCorp

2020

2021

Peranan Yayasan JCorp sebagai pelaksana CSR JCorp dan syarikat Kumpulan dengan penerapan elemen ESG.

4 Bidang Utama:

- Pendidikan
- Seni, Budaya dan Warisan
- Alam Sekitar
- Kesejahteraan Komuniti

2022



PENCAPAIAN YAYASAN JCORP 2022



KEBAJIKAN
RM99 RIBU



BENCANA
RM68 RIBU



RM170 RIBU

• Pendidikan Tunas Johor



RM300 RIBU

• Dana Wakalah
• Pembiayaan Pendidikan Perakaunan Profesional (ACCA)



SUKARELAWAN

• Sukarelawan untuk mengajar dalam Program KidsEdu
• Sumbangan tablet & komputer (30 unit)



**PELATIH KEMAHIRAN
DIGITAL**

• Program kemahiran dan Pengigitalan
• Program Ekonomi GIG



PROJEK KHAS
RM1.10 JUTA



BERASASKAN PROJEK
RM75 RIBU

MANFAAT PROGRAM YAYASAN JCORP



45,944

Pelajar, guru, ibu bapa, Kementerian Pendidikan & Pegawai Jabatan Pendidikan



1,290 BUAH SEKOLAH

Sekolah rendah dan menengah di Johor



SUSTAINABLE SCHOOLS

- Penglibatan 10 buah sekolah aliran pertanian
- Penerapan elemen Sains, Teknologi, Kejuruteraan & Matematik (STEM) dalam menjayakan program
- Kerjasama strategik bersama Temasek Foundation dan National Institute of Education (NIE) melalui kepakaran teknologi



TVET DAN PENINGKATAN KEMAHIRAN

Pelajar: 184
Majikan: 19 syarikat
Penempatan Pekerjaan: 28 pelajar



RM568 RIBU

- Pendidikan untuk Kanak-kanak Berkeperluan Khas: Cerebral Palsy Johor
- Pembinaan Rumah Hijau Agroterapi baharu



YAYASAN
RAJA ZARITH SOFIAH
NEGERI JOHOR

RM170 RIBU

- Sumbangan peralatan perubatan & perlindungan diri kepada Jabatan Kesihatan Negeri Johor



RM600 RIBU

- Sumbangan 50 komputer riba untuk pelajar yang menghidap kanser
- Dana Larian Laksamana
- Pembaikan kompleks rekreasi di Hospital Permai Johor Bahru



RM896,900

- Bantuan Banjir kepada Anggota Pekerja Kumpulan JCorp
- Sumbangan kepada Southern Volunteers untuk Dana Misi Bantuan Johor



RM600 RIBU


- Bank Makanan untuk masyarakat yang terjejas oleh Covid-19
- Kotak makanan di komuniti setempat
- Terminal Bank Makanan di bangunan komersial dan stesen Petronas



RM650 RIBU

- Dana Tabung Prihatin UTM Covid-19
- Sumbangan kebajikan & pembangunan pelajar

PENDIDIKAN




RINGKASAN STATISTIK 2022

4 BIDANG FOKUS UTAMA YAYASAN JCORP

SENI, BUDAYA & WARISAN



KESEJAHTERAAN KOMUNITI



AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH



Dari kiri ke kanan:

- **NUR IZZATI AZMAN** Setiausaha • **HAJI BUKHARI ABD RAHMAN** Ketua Eksekutif, Waqaf An-Nur Corporation Berhad
- **HAJI AZMAN ADNAN** Pengarah, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian Kementerian Pendidikan Malaysia • **ROZAINI MOHD SANI** Pengerusi, Yayasan Johor Corporation • **DATO' HAJI YAHYA AHMAD** Mufti Negeri Johor, Jabatan Agama Islam Johor
- **MD SAID MD DAIMON** Pengarah, Jabatan Pendidikan Negeri Johor • **WAN SU ALI** Pemangku Pengurus Besar, Yayasan Johor Corporation

ANGGOTA PEKERJA YAYASAN JCORP



Duduk dari kiri ke kanan:

• **RUZIANA HUSSIN** Unit Promosi, Penjenamaan dan Komunikasi Korporat • **WAN SU ALI** Pemangku Pengurus Besar • **ROSITA MD ALI** Pengurus, Unit Penjenamaan, Perancangan Strategi, Kewangan dan Pentadbiran

Berdiri dari kiri ke kanan:

• **SHARIFAH HASYIMAH SYED MOHD NAZAR** Unit Promosi, Penjenamaan dan Komunikasi Korporat • **MUHAMAD SHARIF MOHD ABDUL LATIF** Unit Kesejahteraan Komuniti, Alam Sekitar dan Seni, Budaya dan Warisan • **MAZIANA MOHD RASUL** Unit Kewangan • **NORA ISMAIL** Unit Pentadbiran • **MUHAMMAD MUNIR MAZLAN** Unit Pendidikan (Kemahiran) • **MOHAMAD NASIR HASSAN** Unit Pendidikan (Kemahiran) • **ATIQALLAH ZAINUDDIN** Unit Kewangan • **NORASHIKIN KHAMSAANI** Unit Pendidikan • **SHAHRAZALI SAHLAN** Timbalan Pengurus, Unit Kesejahteraan Komuniti, Alam Sekitar dan Seni, Budaya dan Warisan • **MOHAMMAD SYAFIQ MISKON** Unit Kesejahteraan Komuniti, Alam Sekitar dan Seni, Budaya dan Warisan • **NOR AFIZAN MOHD JALIL** Unit Pendidikan

MAKLUMAT KORPORAT

Nama Syarikat:

Yayasan Johor Corporation
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan
Diperbadankan di Malaysia)

Tempat dan Tarikh Penubuhan:

Malaysia, 9 Jun 1997

No. Pendaftaran Syarikat:

199701018871 (434368-M)

Alamat Berdaftar & Operasi:*Alamat Berdaftar*

Tingkat 14, Menara KOMTAR
Johor Bahru City Centre
80000 Johor Bahru

Alamat Operasi

Tingkat 18, Menara KOMTAR
Johor Bahru City Centre
80000 Johor Bahru

Juruaudit Syarikat:

Azman, Wong, Salleh & Co.
Suite 2 & 3, Tingkat 20,
Menara KOMTAR
Johor Bahru City Centre
80000 Johor Bahru

Aktiviti Syarikat:

Kegiatan utama Yayasan adalah sebagai sebuah badan amal yang menerima, merancang, mengurus dan mentadbir dana bagi tujuan kebajikan, pendidikan, pembangunan usahawan dan latihan teknikal.



BIDANG FOKUS :

PENDIDIKAN



BIDANG FOKUS: PENDIDIKAN

MEMBINA MASYARAKAT YANG BERDAYA TAHAN MELALUI PENDIDIKAN



Memandangkan pendidikan ialah kunci bagi membangun masyarakat yang berdaya tahan, Yayasan JCorp telah berusaha memperkasa pelajar agar menjadi pemimpin dan warga yang aktif mendorong perubahan positif dalam komuniti masing-masing. Yayasan JCorp turut bekerjasama dengan warga pendidik, ibu bapa dan pihak

berkepentingan yang mempunyai arah tujuan yang sama untuk memastikan bahawa pelajar mempunyai akses kepada sumber dan sokongan diperlukan untuk berjaya dan lebih bersedia untuk menghadapi cabaran masa depan.

Antara program yang dijalankan pada tahun 2022 adalah seperti berikut:

Fakta Ringkas

Pendidikan (2022)



1. Projek Tuisyen Yayasan JCorp

Program pendidikan yang dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) di Johor ini dilaksanakan sejak 2012 khusus untuk pelajar sekolah rendah. Matlamat program ini adalah untuk memberi peluang kepada pelajar yang tidak berkemampuan dan berkeupayaan, dengan memberikan tuisyen selepas sesi persekolahan bagi mata pelajaran teras seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains.

Bermula tahun 2019, pelaksanaan program tuisyen berfokus pada subjek Bahasa Inggeris melalui 4 kemahiran elemen utama iaitu menulis, membaca, mendengar dan berkomunikasi. Ini juga selaras dengan keperluan pendidikan masa kini bagi memastikan para pelajar khususnya golongan luar bandar dan B40 menguasai bahasa tersebut.

Untuk memastikan para pelajar mendapat manfaat sepenuhnya daripada program-program yang dianjurkan, pelbagai penambahbaikan telah dilakukan seperti berikut:

a) Pembangunan Modul *Strive For Success* untuk Projek Tuisyen Sekolah Rendah

Fokus utama program ini ialah untuk meningkatkan kemahiran bahasa Inggeris melalui penggunaan Modul '*Strive For Success*' yang dibangunkan oleh Unit Bahasa, Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan Negeri Johor selaras dengan Penilaian Pentaksiran Bilik Darjah. Guru pembimbing yang dilantik turut serta sebagai tenaga pengajar dalam program yang dilaksanakan secara dalam talian dan fizikal ini. Sehingga tahun 2022, seramai 8,700 orang pelajar dari 290 buah sekolah rendah meraih manfaat daripada program ini. Bagi tahun 2022, sejumlah 1,410 murid menyertai program ini.

b) Projek Tuisyen Sekolah Menengah Bagi Mata pelajaran Elektif Ikhtisas (MPEI)

Program ini melibatkan pelajar sekolah menengah yang mengambil Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas (MPEI) merangkumi mata pelajaran Perakaunan, Perniagaan dan Ekonomi dengan kerjasama Unit TVET, Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Johor.

Sejak 2021 hingga 2022, Projek Tuisyen Sekolah Menengah bagi mata pelajaran MPEI program ini yang menekankan subjek Perakaunan, Perniagaan dan Ekonomi telah memberi manfaat kepada 2,250 orang pelajar Tingkatan 5 yang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dari 25 buah sekolah terpilih di Johor. Bagi tahun 2022, sejumlah 1,350 pelajar menyertai program ini.



c) Program Tuisyen Deloitte KidsEdu

Program yang dianjurkan secara kerjasama dengan Deloitte Malaysia khusus untuk anak-anak anggota pekerja JCorp dan syarikat Kumpulan di bawah kategori B40 dan asnaf. Antara syarikat yang terlibat adalah Kulim (Malaysia) Berhad, KPJ Healthcare Berhad, Tanjung Langsung Port Sdn Bhd, Damansara Assets Sdn Bhd dan Waqaf An-Nur Corporation Berhad.

Sejak 2021 hingga 2022, 240 murid sekolah rendah telah mendapat manfaat daripada program ini yang dianjurkan 2 minggu sekali selama 1 jam secara dalam talian melalui platform Zoom. Tenaga pengajar terdiri daripada sukarelawan Deloitte Malaysia dan 10 pelajar Johor Student Leaders Council (JSLC) dari SMK (P) Sultan Ibrahim, Johor Bahru, SMK Mohd Mohd Khalid, Johor Bahru dan Maktab Sultan Abu Bakar, Johor Bahru. Deloitte Malaysia turut menyumbang sebanyak 24 unit komputer riba dan 6 unit tablet kepada murid yang kurang berkemampuan dan mereka yang memperoleh prestasi cemerlang.

d) Pendidikan Tunas Jauhar

Program Pendidikan Tunas Jauhar diteruskan pada tahun 2022 yang dijayakan bersama-sama dengan Bahagian Pembangunan Asnaf, Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ). Pihak MAINJ telah menyumbang sebanyak RM170,030 bagi menjayakan program yang melibatkan pelajar yang kurang berkemampuan dan daripada golongan asnaf.

Antara aktiviti yang terlibat di bawah Pendidikan Tunas Jauhar :-

- i. Projek Tuisyen (Bahasa Inggeris) & Motivasi Jati Diri kepada Pelajar Sekolah Rendah
- ii. Pendidikan Celik Kewangan kepada pelajar Sekolah Rendah
- iii. Program Persediaan Keusahawanan untuk Pelajar Sekolah Menengah

Guru pembimbing dari sekolah masing-masing turut terlibat menjayakan program ini yang dijalankan secara dalam talian dan bersemuka. Bagi tahun 2022, sejumlah 2,810 pelajar menyertai program ini.



2. Program Pengurusan Kewangan PRO DU-IT

Program Pendidikan Celik Kewangan Pro Du-It ialah program yang diperkenalkan untuk menghasilkan generasi celik kewangan yang bukan sahaja mahir dalam mengurus kewangan mereka malah mengekang sikap boros seawal usia 9 tahun. Dibangunkan pada tahun 2017 dengan kerjasama Universiti Malaya, program ini menekankan pengurusan kemahiran kewangan sistematik dan melatih pelajar untuk menabung dan mengatur pengurusan kewangan masing-masing secara efisien.

Sehingga 2022, seramai 6,440 pelajar dan 120 guru dari 60 buah sekolah di Johor, Selangor, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terlibat dengan program tersebut. Pelajar turut didedahkan dengan aspek takaful pendidikan dan takaful perlindungan di samping pengurusan kewangan iaitu Tabung Simpan, Tabung Belanja dan Tabung Kongsi. Setiap pelajar akan membuat catatan log harian bagi merekodkan perbelanjaan dan simpanan masing-masing. Penghargaan dan anugerah kepada pelajar yang memenuhi kriteria ditetapkan telah diberikan di akhir sesi pembelajaran supaya ilmu yang diperoleh dapat diterapkan sehingga mereka dewasa dan pada bila-bila masa.

// Sehingga 2022, seramai 6,440 pelajar dan 120 guru dari 60 buah sekolah di Johor, Selangor, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terlibat dengan program tersebut. //

3. Kelas Rancangan Usahawan – Sustainable School

Program Sustainable School merupakan kesinambungan daripada program kelas rancangan usahawan yang diperkenalkan pada tahun 2020 oleh Yayasan JCorp, program ini memperkenalkan nilai-nilai keusahawanan kepada pelajar sekolah menengah di Johor melalui pembangunan produk yang berkualiti dan berpotensi dikembangkan ke pasaran lebih tinggi. Projek perintis melibatkan empat buah sekolah di Johor iaitu SMK Dato' Pengawa Barat Pontian, SMK Bandar Penawar, Kota Tinggi dan SMK Dato' Abdul Rahman Yassin, Johor Bahru dan SMK Sri Kukup, Pontian.

Bagi tahun 2022, aktiviti yang dijalankan termasuklah lawatan ke sekolah terpilih, lawatan ke pusat pemprosesan makanan FAMA serta mengadakan perbincangan bersama pegawai terbabit dari Jabatan Pendidikan Negeri Johor, Jabatan Pendidikan Daerah, Pengetua serta guru pembimbing. Matlamat utama program ini adalah untuk menyemai nilai-nilai keusahawanan serta mencipta ekosistem sekolah yang mampan dan mandiri. Selain itu, usaha untuk mengenal pasti sekolah-sekolah lain diteruskan supaya program seperti ini dapat dikembangkan di seluruh negeri Johor.

Program ini turut mendapat penglibatan daripada Rakan strategik lain yang bertindak sebagai pembimbing, penasihat serta pemudah cara seperti Jabatan Pertanian Negeri Johor, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Kolej Komuniti dan GIATMARA Malaysia.

Bermula 2016 sehingga 2022, melalui kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Johor, seramai 5,700 orang pelajar dari 37 buah sekolah terpilih di Negeri Johor telah menyertai program ini.





Program Sustainable School ini ditambah baik melalui elemen Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) seiring dengan objektif Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia dan Dasar 4IR Negara di mana Yayasan JCorp telah merangka program berkenaan STEM melalui penglibatan sekolah dan industri. Antara program yang dilaksanakan bagi menyuburkan minat pelajar terhadap empat bidang tersebut adalah :

i. Lawatan ke Temasek Foundation, National Institute of Education (NIE) di Singapura

Pada 6 Oktober 2022, Yayasan JCorp, Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan Yayasan Sultan Ibrahim Johor telah melawat Temasek Foundation, dan National Institute of Education (NIE) di Singapura untuk mengenal pasti potensi kerjasama melalui program pendidikan STEM, kemahiran dan TVET serta Bahasa Inggeris bagi meningkatkan potensi para pelajar. Seramai 18 orang delegasi terlibat turut melawat Temasek Shophouse dan Bengkel Pusat Cetakan 3D di NIE.

ii. Forum "Pendidikan STEM Penuhi Keperluan Bakat Masa Depan"

Yayasan JCorp juga menganjurkan forum bertajuk "Pendidikan STEM Penuhi Keperluan Bakat Masa Depan" pada 8 November 2022, anjuran bersama Jabatan Pendidikan Negeri Johor, dengan tujuan untuk melahirkan generasi yang berkemahiran dalam pelbagai

bidang termasuk pendidikan STEM dan melahirkan modal insan yang berkebolehpasaran tinggi pada masa hadapan. Forum yang disertai oleh 250 orang peserta terdiri daripada guru, pelajar sekolah rendah dan menengah dari seluruh negara ini bersiaran secara langsung menerusi platform maya dan secara bersemuka.



Objektif utama penubuhan MyPAC pada 2015 adalah bagi mengatasi masalah kekurangan bilangan akauntan profesional daripada kalangan Bumiputera. Mengikuti perangkaan *Malaysian Institute of Accountants (MIA)* ketika itu, hanya terdapat 1,554 atau 8% orang akauntan profesional Bumiputera. Justeru, kerjasama dengan Yayasan JCorp ini telah menjayakan aspirasi MyPAC untuk menambah bilangan akauntan profesional bumiputera, terutama daripada kalangan keluarga yang berpendapatan rendah.

■ Ketua Pegawai Eksekutif MyPAC
Datuk Zaiton Mohd Hassan

Bagi saya, setakat ini semua berjalan lancar. Saya tidak akan mensia-siakan peluang keemasan untuk meneruskan pengajian melalui biasiswa ini. Suasana pembelajaran pula bukan hanya dilengkapi dengan bilik darjah yang kondusif malah penjelasan daripada pensyarah juga sangat jelas dan mudah difahami. Saya juga bertuah kerana mempunyai rakan-rakan yang memahami dan sedia membantu serta memberikan sokongan apabila saya keliru dalam kelas. Oleh itu, harapan saya adalah untuk saya lulus semua kertas peperiksaan dengan cemerlang dan menempah kedudukan dalam mana-mana industri selepas saya tamat pengajian. Akhir sekali, saya berharap impian saya menjadi kenyataan kerana ini hanya akan tercapai dengan usaha dan tekad yang kuat.

■ Amirul Syahid Bin Khirham (Pasca SPM)

Pertama sekali, saya merasa bersyukur kerana mendapat tajaan dari MyPAC dan Yayasan JCorp. Semasa belajar di Kolej Tymba saya belajar untuk hidup berdikari apabila menaiki bas ke kolej. Selain itu, pensyarah-pensyarah di kolej juga baik, ramah, mudah bergaul dan cara pengajaran mereka menyeronokkan dan mudah difahami. Pada awalnya, agak sukar untuk menyesuaikan diri tetapi kawan-kawan membantu saya dalam pelbagai hal. Memandangkan saya mengambil FIA, saya tidak terlalu berasa tertekan semasa belajar dan hampir setiap minggu saya akan keluar bersama kawan-kawan atau keluarga. Setiap malam, saya akan mengulang kaji pelajaran supaya tidak terburu-buru ketika peperiksaan akhir tiba. Itulah sahaja perkongsian daripada saya.

■ Nur Aisyah binti Rosdi (Pasca SPM)

Saya sedang menduduki kertas pertama iaitu SBL. Pensyarah yang mengajar SBL sangat membantu terutamanya dalam menjelaskan setiap bab dan memberikan ringkasan yang mudah difahami oleh pelajar. Kaedah pembelajaran SBL saya adalah dengan menganalisis kertas soalan tahun-tahun lepas dan struktur jawapan setiap keperluan soalan tertentu. Dengan memahami struktur tersebut, saya akan cuba untuk menjawab soalan menggunakan ayat sendiri dan pengetahuan sedia ada. Saya dapati belajar ACCA agak berbeza daripada belajar ijazah. Justeru, saya berharap saya dapat mengendalikannya dengan baik.

■ Hamidah binti Hamdi (Pasca Ijazah)

4. Pembiayaan Pendidikan Perakaunan Profesional (ACCA)

Yayasan JCorp menyediakan pembiayaan pendidikan untuk membantu meringankan tanggungan keluarga B40 membiayai pengajian anak di peringkat lebih tinggi di samping membantu meningkatkan kebolehpasaran mereka dalam industri. Yayasan JCorp berusaha untuk membela nasib golongan ini supaya anak-anak mereka dapat meneruskan pengajian ke peringkat profesional tanpa sebarang kesulitan dan memperoleh keputusan akademik yang cemerlang.

i. Peruntukan RM850,000 taja pelajar B40 lanjut pengajian ACCA

JCorp melalui Yayasan JCorp telah mengambil inisiatif untuk mendukung pembangunan modal insan dalam bidang profesional di negara ini dengan memperuntukkan RM850,000.00 bagi membiayai lapan pelajar cemerlang dari keluarga B40 melanjutkan pengajian dalam bidang perakaunan profesional ACCA. Bantuan pendidikan ini dibiayai melalui sumbangan zakat Kumpulan JCorp dan mendapat kerjasama dari Malaysia Professional Accountancy Centre (MyPAC) menerusi pertukaran Perjanjian Kerjasama bagi penajaan pendidikan ACCA pada 26 Oktober 2022.

Pelajar cemerlang daripada kalangan keluarga B40 ini telah mendapat manfaat yang bukan sahaja membolehkan mereka mendapat pengiktirafan profesional malah jaminan pekerjaan selepas tamat pembelajaran sama ada di Malaysia mahupun di luar negara.

Merupakan kesinambungan daripada inisiatif Program JCorp Chartered Accountancy (JCAP) yang dilancarkan pada tahun 2015, melibatkan peruntukan RM2.7 juta, program ini telah melahirkan seramai 26 orang akauntan bertauliah yang berkhidmat di JCorp dan syarikat Kumpulan.

5. Bantuan Pendidikan IPT

Yayasan JCorp memperkenalkan inisiatif Bantuan Pendidikan IPT berupa bantuan yuran persediaan masuk ke institusi pengajian tinggi (IPT) sementara menunggu pinjaman atau biasiswa yang ditawarkan. Bantuan tunai sekali beri (*one-off*) ini khusus untuk membantu meringankan beban kewangan ibu bapa atau penjaga daripada golongan B40 serta keluarga yang mempunyai tanggungan anak yang ramai ataupun anak-anak yang sedang melanjutkan pelajaran di IPT.





Semua permohonan berkaitan diuruskan oleh Jawatankuasa Sumber dan Penyaluran Dana Yayasan JCorp. Dari tahun 2017 sehingga 2022, dana ini telah memberi manfaat kepada seramai 1,207 orang pelajar yang melibatkan jumlah peruntukan keseluruhan RM606,689.

6. Program Latihan Industri dan Kemahiran

Sebagai organisasi yang berdedikasi untuk meningkatkan kebolehpasaran pelajar dengan menyediakan pelbagai program pendidikan dan kemahiran yang inovatif dan berkesan, Yayasan JCorp menawarkan pelbagai program Latihan Industri dan Kemahiran seperti berikut:

i. Program Latihan Industri

Melalui program ini, pelajar didedahkan dengan dunia pekerjaan sebenar dan diberi peluang menimba pengalaman serta pengetahuan baru. Latihan yang mengambil masa antara 3 hingga 6 bulan bukan sahaja memberikan nilai tambah kepada para pelajar, malah modul seperti Kursus Pembangunan Diri secara dalam talian turut membantu kemahiran komunikasi, kemahiran asas lain serta ilmu-ilmu berkaitan teknik temuduga dan kerjaya, dan meningkatkan motivasi diri.

Pada tahun 2022, lapan orang pelajar berjaya mendapat pekerjaan manakala 75 orang pelajar melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Pada tahun ini seramai 100 orang pelajar dijangka menyertai program ini.

Antara bidang latihan yang ditawarkan ialah Penyelenggaraan Penyaman Udara, Penyediaan & Pembuatan Makanan, Penjagaan Tanaman, Kejuruteraan, dan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan. Yayasan JCorp turut merancang untuk menambah bidang lain seperti Perhotelan & Hospitaliti, Teknologi Maklumat dan Digital selaras dengan permintaan industri semasa.

// ...dana ini telah memberi manfaat kepada seramai 1,207 orang pelajar yang melibatkan jumlah peruntukan keseluruhan RM606,689. //

Maklum Balas

fb Saya merupakan pelajar ACCA di sepanjang tempoh beberapa bulan yang lalu, dan saya percaya kunci utama untuk motivasi diri adalah kekuatan minda. Pada awalnya, saya sangat bersemangat tetapi lama kelamaan saya merasakan ACCA ini sangat sukar dan saya tidak dapat menahan diri daripada mempersoalkan sama ada saya membuat keputusan yang tepat untuk berada di sini. Namun begitu, secara peribadi saya percaya dengan pola pemikiran yang betul, sumber yang betul, kemahiran dan teknik yang betul, dan motivasi yang tinggi, saya mampu menamatkan kertas ini. Saya akui bahawa ACCA sukar tetapi bukanlah mustahil untuk lulus.

■ Ainul Adawiyah binti Mohamad (Pasca Ijazah)

fb Sepanjang 5 bulan memulakan perjalanan ACCA, saya rasa agak sukar kerana perlu memberikan lebih tumpuan di dalam kelas berbanding semasa pengajian ijazah. Memandangkan saya hanya perlu mengambil satu kertas sahaja pada semester ini, saya dapat mengejar pelajaran dengan cepat. Namun, saya masih berusaha meningkatkan teknik menjawab peperiksaan seperti yang disarankan oleh pensyarah yang memaklumkan saya mempunyai pengetahuan tetapi kurang kemahiran untuk menjawab soalan.

■ Nor Azlin binti Mohd Zapili (Pasca Ijazah)

fb Pengalaman belajar ketika ini amat menarik. Pensyarah yang mengajar subjek berkaitan sangat bertanggungjawab serta mahir dalam topik yang diajar.

■ Amirul Hafiz bin Nashir Uddin (Pasca SPM)

fb Setakat ini, pengalaman belajar adalah sangat memuaskan, dengan pelbagai kemudahan disediakan dan secara percuma berikutan penajaan biasiswa, tetapi masih ada kelemahan berikutan perjalanan ke kolej yang memakan masa selama 1 jam atau lebih. Semuanya baik secara menyeluruh dan diharapkan keputusan peperiksaan juga akan sentiasa konsisten dan baik. Insya-Allah.

■ Afryna Balqis binti Khair Hashim (Pasca SPM)

fb Saya mempunyai pengalaman yang memuaskan semasa menuntut di TymbaQueens KL sebagai pelajar tajaan Yayasan JCorp. Pihak MyPAC dan tutor menjaga kebajikan dengan baik. Para tutor juga memberikan yang terbaik dalam membantu pembelajaran dan memudahkan saya memahami semua subjek. Aplikasi Tymbaflex juga membantu saya untuk mengakses rakaman dan bahan pembelajaran dengan mudah. Namun, kalau boleh, saya memohon agar Yayasan JCorp meningkatkan jumlah elaun yang diberikan kepada pelajar. Terima kasih atas pertimbangan ini!

■ Muhammad Haziq bin Ishamuddin (Pasca SPM)

ii. Kursus Kemahiran - *Go Digital Asean*

The Asia Foundation merupakan rakan komuniti Yayasan JCorp yang telah bekerjasama melaksanakan aktiviti “Go Digital ASEAN” (GDA). Aktiviti ini yang turut melibatkan golongan belia dan wanita bukan sahaja membantu peserta meningkatkan kemahiran digital dan teknologi, malah mereka turut didedahkan dengan ilmu pengembangan perniagaan bagi meningkatkan pendapatan masing-masing.

Antara aktiviti GDA yang memberi manfaat kepada peserta adalah seperti berikut:

1. Pencari Pekerjaan
Mengoptimumkan penggunaan teknologi digital ketika proses permohonan pekerjaan seperti memperbaiki kualiti *resume* dan meningkatkan peluang untuk mendapat pekerjaan.

2. Usahawan
Memberikan pemahaman yang kukuh tentang penggunaan teknologi digital termasuklah sistem carian dan lain-lain untuk mengembangkan pangkalan pelanggan dan mencapai objektif perniagaan.
3. Pengembangan Perniagaan
Mempelajari asas membina usaha niaga dan membangunkan strategi media sosial sebagai permulaan untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya.

Seramai 1,396 orang peserta telah mengikuti program ini di samping 34 orang Jurulatih Komuniti telah berjaya dihasilkan di mana mereka akan mengendalikan sesi pelajaran *Go Digital ASEAN* secara dalam talian kepada orang ramai.

Program kemahiran ini seterusnya akan diperluas selari dengan keperluan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) meliputi bidang program seperti pengaturcaraan komputer, data saintis, isi kandungan kreatif dan keusahawanan digital.

// Mengoptimumkan penggunaan teknologi digital ketika proses permohonan pekerjaan seperti memperbaiki kualiti *resume* dan meningkatkan peluang untuk mendapat pekerjaan. //



KEMAHIRAN



PELAJAR:
184
ORANG

MAJIKAN:
19
SYARIKAT

**PENEMPATAN
PEKERJAAN:**
28
PELAJAR



BIDANG FOKUS :

SENI, BUDAYA DAN WARISAN



BIDANG FOKUS: SENI, BUDAYA DAN WARISAN

MEMPERKUKUH GENERASI AKAN DATANG MELALUI SENI, BUDAYA DAN WARISAN



Yayasan JCorp memainkan peranan penting dalam memastikan seni budaya dan warisan tanah air terpelihara. Ini termasuklah melaksanakan usaha-usaha untuk menyokong dan memperkasa sektor berkaitan dengan memupuk pembudayaan ilmu, mencetus bakat dan kreativiti di samping memelihara, meningkatkan dan mengekalkan seni, budaya dan warisan untuk generasi akan datang.

Antara program yang telah dijalankan pada tahun 2022 adalah:

1. Program Galakan Membaca

Program Galakan Membaca ini dijayakan melalui kerjasama The Asia Foundation dan Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Bahagian Sumber & Teknologi Pendidikan.

Matlamat utama program ini adalah untuk meningkatkan budaya membaca khususnya dalam kalangan generasi muda. Antara program yang dijalankan adalah seperti berikut:

a) Books for Asia

Program Books for Asia dianjurkan sejajar dengan aspirasi masyarakat Asia yang ingin memperbaiki kemahiran membaca dalam Bahasa Inggeris sekali gus meningkatkan daya saing masing-masing dalam konteks ekonomi global yang semakin mencabar.

36,105 buah buku ilmiah Bahasa Inggeris telah diagihkan kepada 345 buah sekolah, 58 buah perpustakaan serta 8 Sudut Bacaan di KPJ Healthcare Berhad terpilih di Semenanjung Malaysia di sepanjang pelaksanaan program.



**// Pada tahun 2022,
The Asia Foundation telah menyumbangkan sebanyak 19,186 buah buku kepada Yayasan JCorp. //**

Pada tahun 2022, The Asia Foundation telah menyumbangkan sebanyak 19,186 buah buku kepada Yayasan JCorp.

b) JCorp English Challenge

Yayasan JCorp turut menganjurkan JCorp English Challenge dan JCorp English Challenge FB Live iaitu pertandingan berbentuk kuiz yang dijalankan secara atas talian melalui platform Facebook Yayasan JCorp bagi menyemarakkan lagi program *Books for Asia*.

Sehingga 2022, seramai 23,412 peserta telah mengambil bahagian manakala 463,431 telah melayari dan mendapatkan maklumat kuiz ini.

c) English Corner

English Corner merupakan perkongsian ilmiah mingguan secara santai dikongsi melalui platform media sosial Yayasan JCorp iaitu Facebook dan Instagram berkenaan bentuk penggunaan Bahasa Inggeris seperti penggunaan tatabahasa, peribahasa, sinonim dan sebagainya.

Maklumat dikongsi dalam bentuk poster, video pendek atau grafik yang kreatif dan dinamik bagi menarik minat orang ramai dari segenap peringkat lapisan umur.



Fakta Ringkas

Seni, Budaya dan Warisan



2. Seni Kandungan Kreatif

Merupakan program untuk menyemarakkan dan menghargai kesenian dan warisan melalui bakat dan kreativiti terutamanya dalam kalangan pelajar dan belia.

Antara program yang dijayakan adalah :

a) Pertandingan Mencipta Video Pendek

Tujuan pertandingan ini adalah memberi ruang dan peluang kepada masyarakat terutamanya golongan belia untuk berkarya dan mengasah bakat serta kreativiti di samping menyampaikan mesej positif kepada masyarakat melalui penghasilan video pendek.

Sejajar dengan aspirasi dan usaha kerajaan untuk memupuk dan membina modal insan di kalangan generasi muda, aktiviti ini juga berpotensi untuk menggalakkan kreativiti dan mencungkil bakat anak-anak muda di samping menyediakan platform untuk mereka berkarya dan mengekspresikan diri secara bebas. Mereka turut berpeluang untuk berkongsi mesej positif dan nilai-nilai murni dengan orang ramai, sekali gus memupuk dan membina jati diri masing-masing.



Seramai 805 peserta telah menyertai pertandingan pada tahun 2022. Daripada empat siri pertandingan yang ditetapkan dengan tema yang berbeza, 40 peserta telah dipilih menjadi pemenang. Penyertaan yang diterima amat menggalakkan terutamanya daripada golongan belia seperti pelajar sekolah dan mahasiswa daripada seluruh Negara termasuklah Sabah dan Sarawak.

Penghujung 2022 menyaksikan fasa kemuncak di mana 10 peserta terbaik daripada setiap siri bertanding mempertaruhkan kemahiran, bakat dan kreativiti di pentas akhir pertandingan dengan tema "Memantapkan Jati diri Unggul Melalui Penghayatan Nilai Seni, Budaya dan Warisan. Pemenang diumumkan pada tahun 2023 di mana peserta dari negeri Sabah telah memenangi pertandingan video pendek ini.

3. Yayasan JCorp perkukuh inisiatif Seni, Budaya dan Warisan menjelang 2023

Seiring dengan misi Memperkasa Kualiti Hidup, Yayasan JCorp telah merangka pelbagai projek yang lebih memberi impak untuk jangka masa panjang bagi bidang fokus utama Seni, Budaya dan Warisan.

Ini termasuklah projek Kuarters Seni, Budaya dan Warisan di kawasan Ibrahim International Business District (IIBD) yang dijalankan melalui kerjasama strategik bersama ThinkCity. Inisiatif yang telah dikenal pasti melibatkan 27 program di mana pada peringkat permulaan tiga inisiatif dilaksanakan iaitu Program Residensi Artis, Program Geran Pusat Bandaraya Johor Bahru dan Projek Pembangunan Taman Poket Hutan Bandar (Urban Forest Park).



// Yayasan JCorp turut merangka kerjasama dengan KPJ Healthcare Berhad untuk mewujudkan galeri seni di rangkaian Hospital KPJ. //

Yayasan JCorp turut merangka kerjasama dengan KPJ Healthcare Berhad untuk mewujudkan galeri seni di rangkaian Hospital KPJ. Projek ini diperkukuhkan menerusi kolaborasi bersama Balai Seni Lukis Negara. Galeri ini dijangka dapat mempromosikan karya artis tempatan di samping menyahut seruan Kerajaan Johor berkaitan sektor pelancongan kesihatan seterusnya memberikan nilai tambah dan meningkatkan imej rangkaian hospital tersebut.

Projek lain turut dalam perangkaan ialah kerjasama dengan B5 Johor Street Market bagi mengatur aktiviti kesenian termasuk seni persembahan dan ruang seni jalanan.

Yayasan JCorp akan menganjurkan siri webinar bersama rakan strategik melalui penghayatan nilai budaya dan warisan bagi memantapkan jati diri unggul dalam kalangan peserta terlibat.

Program ini adalah salah satu inisiatif di bawah fokus pendidikan dan kesedaran seni, budaya dan warisan.



BIDANG FOKUS :

ALAM SEKITAR



BIDANG FOKUS: ALAM SEKITAR

MEMULIHARA ALAM SEKITAR MELALUI USAHA BERSAMA



Semua pihak berperanan untuk menjalankan tanggungjawab masing-masing dalam memastikan alam sekitar dipelihara dan dipulihara agar fungsinya terjamin. Program Alam Sekitar diperkenalkan oleh Yayasan JCorp untuk menyokong Agenda ESG JCorp 2022-2026 yang melibatkan

komitmen JCorp dan syarikat Kumpulan secara menyeluruh.

Empat elemen penting dalam pelaksanaan program ini adalah Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam dan Sungai; Tanaman Pokok; Program Kitar Semula; serta Penjimatan Tenaga.

Fakta Ringkas

Alam Sekitar





Antara program berkaitan Alam Sekitar yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

1. Webinar Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama

Bagi memberi kesedaran kepentingan Alam Sekitar kepada masyarakat, Yayasan JCorp dengan Kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Johor telah menganjurkan webinar bertajuk Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama.

Objektif program ini adalah untuk mempromosi pendidikan alam sekitar kepada orang ramai di samping mewujudkan kesedaran tentang kepentingan menjaga alam sekitar.

Webinar ini turut menyaksikan perbincangan panel penceramah jemputan terdiri daripada Encik Muhamad Amirul Syafiq Khairuddin, Penolong Pengarah Unit Komunikasi & Sebaran Makluman Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor dan Prof. Ir. Ts. Dr. Mohd Fadhil Md Din, Pengarah Pejabat Pelestarian Kampus, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Johor mengenai komitmen agensi Kerajaan dan universiti dalam Kelestarian Alam Sekitar. Webinar ini telah meraih sebanyak 1,200 tontonan.

2. Lebih 100 peserta jayakan program KUDAH di Pontian

Alam sekitar hari ini dipinjamkan oleh generasi akan datang. Oleh itu, komuniti harus sedar mengenai kepentingan menjaga kelestarian alam sekitar. Program Kutip Sampah Sambil Beriadah (KUDAH) diadakan untuk mempromosikan budaya mengutip sampah sambil beriadah.

Pada Jun 2022, Yayasan JCorp telah menyertai program tersebut yang berlangsung di tiga lokasi di Pontian, Johor iaitu Kampung Kukup Laut, Kampung Ayer Masin dan Kampung Benteng Kanan melibatkan 100 orang peserta termasuk pelajar dan anggota pekerja UTM, Majlis Daerah Pontian, Sukarelawan Sahabat YJC serta penduduk setempat. Ia dianjurkan dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) menerusi Pusat Pelestarian Alam Sekitar dan Sekuriti Air (IPASA) dan Research Institute for Sustainable Environment (RISE UTM), Johor Bahru.

Taklimat mengenai kesukarelawanan turut diadakan bersempena program tersebut bagi menarik minat orang ramai menyertai pasukan Sukarelawan Sahabat YJC.

Setakat ini, seramai 460 individu telah mendaftar sebagai sukarelawan Sahabat YJC dan pendaftaran sentiasa dibuka untuk yang berminat di laman sesawang: www.yayasanjcorp.com.my.

// Program Kutip Sampah Sambil Beriadah (KUDAH) diadakan untuk mempromosikan budaya mengutip sampah sambil beriadah. //



3. DSKom2022 pupuk cinta generasi muda kepada alam

Menjaga kelestarian alam sekitar termasuk kebersihan sungai dan mengawal sumber air itu daripada pencemaran ialah tanggungjawab semua pihak terutamanya dalam kalangan generasi muda.

Atas kesedaran dan tanggungjawab itu, Yayasan JCorp menyertai Program Denai Sungai Bersama Komuniti 2022 (DSKom2022) anjuran Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dengan kerjasama Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) di Kampung Sungai Melayu, Johor pada 24 September 2022.

Program itu dianjurkan bersempena sambutan Hari Air Sedunia yang disambut pada 25 September setiap tahun.



Seramai 240 orang peserta terdiri daripada pelajar sekolah rendah dan menengah, penduduk setempat, pelatih Institusi Pendidikan Guru (IPG), pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Sukarelawan Sahabat YJC terlibat dalam program tersebut.

Kampung Sungai Melayu merupakan destinasi ekopelancongan yang kerap menjadi lokasi penganjuran pelbagai aktiviti berkaitan kepentingan denai sungai, taman hidupan air, flora dan fauna. Oleh itu, penganjuran program seperti DSKom2022 yang bertujuan memupuk semangat generasi muda supaya mencintai dan menjaga kebersihan serta mengawal pencemaran sungai penting dalam usaha mempromosi Kampung Sungai Melayu sebagai sebuah perkampungan warisan di Johor, di samping menjamin kelestarian sungai tersebut.

Sejajar dengan SDG 13, Tindakan Iklim, Yayasan JCorp mengambil berat isu dan cabaran berkaitan alam sekitar di mana pelbagai inisiatif dirangka dan dilaksanakan menyokong matlamat kelestarian dan memulihara alam sekitar untuk generasi akan datang.

// Menjaga kelestarian alam sekitar termasuk kebersihan sungai dan mengawal sumber air itu daripada pencemaran ialah tanggungjawab semua pihak... //



BIDANG FOKUS :

KESEJAHTERAAN KOMUNITI



BIDANG FOKUS: KESEJAHTERAAN KOMUNITI

MENJAMIN KESEJAHTERAAN KOMUNITI

// Yayasan JCorp telah membelanjakan sejumlah RM2.1 juta yang memberi manfaat kepada 84,590 orang penerima bantuan... //



Fokus utama program ini adalah untuk membantu kelompok komuniti yang terjejas oleh pandemik COVID-19 di bawah inisiatif tanggungjawab sosial korporat JCorp dan syarikat Kumpulan seperti Kulim (Malaysia) Berhad, KPJ Healthcare Berhad, QSR Brands (M) Holdings Bhd, JLand Gorup Sdn Bhd, Waqaf An-Nur Corporation Berhad. Orang ramai turut

memberi sumbangan untuk membantu inisiatif berkaitan.

Di sepanjang tahun 2022, Yayasan JCorp telah membelanjakan sejumlah RM2.1 juta yang memberi manfaat kepada 84,590 orang penerima bantuan berdasarkan kategori sumbangan berikut:

Fakta Ringkas

Kesejahteraan Komuniti



Sumbangan tersebut telah dimanfaatkan seperti berikut:

1. Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor

Sebagai tanda sokongan dan dalam usaha membantu pejuang kanser, Yayasan JCorp telah menyumbang sebanyak RM149,800 kepada Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor. Antara program yang telah dijayakan ialah Laksamana Neon Run, Jom Tengok Wayang bersama pejuang kanser kanak-kanak, Ujian HPV dan rawatan biopsi bagi pengesanan awal kanser.

Yayasan JCorp bersama syarikat Kumpulan JCorp iaitu Kulim (Malaysia) Berhad, KPJ Healthcare Berhad, QSR Brands (M) Holdings Bhd dan JLand Group Sdn Bhd turut menyumbang RM50,000 menerusi pembelian meja semasa penganjuran Majlis Makan Malam Amal Rays of Light yang diadakan pada 2 Disember 2022 bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor, Johor Bahru. Sumbangan ini yang telah diserahkan kepada Permasuri Johor, DYMM Raja Zarith Sofiah Binti Almarhum Sultan Idris Shah menunjukkan komitmen Yayasan JCorp dalam menyokong dan membantu pejuang-pejuang kanser.

2. Tabung Kebajikan dan Pembangunan Pelajar UTM

Yayasan JCorp bersama syarikat Kumpulan JCorp iaitu Kulim (Malaysia) Berhad; KPJ Healthcare Berhad; QSR Brands (M) Holdings Bhd dan JLand Group Sdn Bhd telah memberikan sumbangan sebanyak RM500,000 untuk membantu pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) khususnya daripada golongan B40 di mana dana ini boleh digunakan untuk membiaya yuran pengajian pelajar dan lain-lain keperluan.

Sumbangan telah disampaikan oleh Encik Rozaini Mohd Sani, Pengerusi Yayasan JCorp kepada YBhg Prof Datuk Ts. Dr. Ahmad Fauzi Ismail, Naib Canselor UTM.



3. Dana Pendidikan Khas

Kulim (Malaysia) Berhad (KULIM) dengan sokongan divisyen Agrofarm dan Yayasan JCorp telah membina rumah hijau agroterapi dalam kawasan Persatuan Cerebral Palsy Johor (CPJ) yang membolehkan persatuan tersebut menjalankan pelbagai aktiviti seperti menyediakan agroterapi untuk pelajar dan perantis bengkel vokasional dengan Cerebral Palsy (CP) di samping membuka peluang menjana pendapatan tambahan melalui penjualan hasil tanaman.

Pembangunan rumah hijau yang bernilai RM40,000 ini membolehkan CPJ memulakan penanaman dalam persekitaran yang kondusif dan mampan. KULIM menunjukkan komitmen yang tinggi untuk memastikan kejayaan program dengan memberikan khidmat nasihat, latihan serta melakukan pemantauan berkala.

Yayasan JCorp juga telah memperuntukkan sebanyak RM18,000 bagi menaik taraf makmal komputer bagi tujuan pembelajaran melalui pembelian peralatan komputer dan alat bantu mengajar khusus kepada pelajar dan perantis bengkel vokasional.





4. Misi Bantuan Banjir

Yayasan JCorp disokong oleh JCorp dan syarikat Kumpulan telah menggerakkan kempen bagi membantu anggota pekerja Kumpulan yang terkesan akibat banjir di Selangor dan Kelantan. Melalui kempen #kitabantukita seluruh anggota pekerja menunjukkan dasar keprihatinan untuk membantu dan memberikan sokongan antara satu sama lain.

Bantuan wang tunai berjumlah RM150,000 telah disampaikan kepada 217 orang anggota pekerja melalui wakil-wakil syarikat iaitu KPJ Healthcare Berhad dan QSR Brands (M) Holdings Bhd.

Selain itu, Yayasan JCorp turut menjalinkan kerjasama dengan Southern Volunteers di mana peruntukan sebanyak RM50,000 diberikan untuk membantu mereka menyelaras aktiviti bantuan pasca banjir di negeri Johor iaitu di daerah-daerah yang terkesan akibat banjir seperti Segamat, Tangkak, Muar dan Batu Pahat.

5. Bank Makanan & Kotak Makanan

JCorp menerusi Yayasan JCorp telah mengedarkan kotak barangan makanan asas kepada 150 keluarga asnaf dan B40 di sekitar Mukim Johor Bahru, Mukim Plentong dan Mukim Pulau. Kurniaan kotak barangan makanan asas ini adalah bersempena dengan Ulang Tahun Keputeraan DYMM Permaisuri Johor pada 14 Ogos, 2022 bertujuan meringankan beban kewangan Bangsa Johor.

Selain itu, Yayasan JCorp turut meneruskan tanggungjawab sosial korporatnya dengan menyumbang 100 bakul makanan sempena Program Ihya Ramadan : Simbiosis Mawaddah, Mujahadah Demi Rahmah 2022 yang dianjurkan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat SUK Johor. Sumbangan makanan asas

ini diedarkan kepada pesara, penjawat awam, atlet, orang awam dan penerima zakat di seluruh daerah negeri Johor.

Yayasan JCorp turut memperuntukkan sebanyak RM10,000.00 bagi tujuan sumbangan tunai dan bakul makanan kepada anggota pekerja JCorp dan syarikat Kumpulan menerusi Program Amal Ramadan Mutiara Johor Corporation.

6. Sukarelawan Sahabat Yayasan JCorp

Sempena Ramadan 2022, Yayasan JCorp telah menyumbang 5 kawah bubur lambuk bersempena Program Bubur Lambuk JohorFM Pandu Lalu bertempat di Kompleks Penerangan dan Penyiaran Sultan Iskandar, Johor Bahru. Selain diedarkan kepada orang ramai, bubur lambuk tersebut turut diedarkan kepada anggota pekerja syarikat Kumpulan JCorp di Menara KOMTAR, JBCC. Sukarelawan Sahabat YJC, Briged Waqaf dan Southern Volunteers telah memberikan kerjasama dan komitmen tinggi dengan membantu kerja-kerja menyediakan bubur lambuk seperti memasak, membungkus dan mengedarkannya kepada orang ramai.

Sebagai tanda sokongan dan prihatin kepada komuniti, Yayasan JCorp telah berpeluang menyertai Program Jelajah Kami Prihatin 'Kasih JohorFM' anjuran Kelab RTM Johor Bahru di Kampung Paya, Jalan Kampung Tengah Kluang, Johor. Seramai 20 Sukarelawan Sahabat YJC yang terdiri daripada anggota pekerja Kulim (Malaysia) Berhad, KPJ Healthcare Berhad dan Johor Land Berhad turun padang bagi membantu membersihkan kawasan rumah dan sekitarnya. Selain itu, Yayasan JCorp turut menyumbang barang keperluan rumah seperti meja makan, periuk, dapur gas serta barangan makanan.



// **Shine for World Heart Day** bertujuan memberikan kesedaran kepada masyarakat mengenai penyakit kardiovaskular (CVD) yang merupakan punca utama kematian rakyat Malaysia. //



7. Pertubuhan Kebajikan dan Rumah Anak-Anak Yatim

Sempena Sambutan Aidilfitri 2022, Yayasan JCorp telah menyantuni Pertubuhan Kebajikan & Rumah Anak Yatim Safar, Rumah Anak Yatim Raudhatul Maryam, Pusat Perlindungan Baitus Solehah, Rumah Barkat Johor dan Pertubuhan Kebajikan Fitrah Qaseh di Majlis Sambutan Aidilfitri Johor Corporation. Sumbangan berjumlah RM10,000 telah disampaikan oleh YAB Menteri Besar Johor.

8. World Heart Day & Pinktober Run 2022

Yayasan JCorp telah melaksanakan pelbagai aktiviti yang bukan sahaja untuk memperluas peranan bahkan untuk memperkenalkan dan memperkukuh jenama Yayasan JCorp dalam kalangan orang ramai. Justeru, Yayasan JCorp dan syarikat Kumpulan JCorp iaitu Kulim (Malaysia) Berhad; KPJ Healthcare Berhad; QSR Brands (M) Holdings Bhd dan JLand Group Sdn Bhd telah memperuntukkan sebanyak RM150,000 untuk program *Shine for World Heart Day* dan *Pinktober Run*.

Shine for World Heart Day bertujuan memberikan kesedaran kepada masyarakat mengenai penyakit kardiovaskular (CVD) yang merupakan punca utama kematian rakyat Malaysia. Pameran MEGAHeart iaitu pameran jantung mudah alih dan interaktif dunia yang memberikan maklumat secara terperinci mengenai fungsi jantung telah diadakan bersempena program ini. Selain itu, KPJ Healthcare Berhad Wilayah Selatan iaitu Hospital Pakar KPJ Johor, Hospital Pakar KPJ Pasir Gudang, Hospital Pakar KPJ Bandar Dato' Onn dan Hospital Pakar KPJ Puteri turut mengadakan pemeriksaan kesihatan percuma merangkumi pemeriksaan tekanan darah, paras gula dalam darah, pemeriksaan fizikal (berat dan BMI),



konsultasi secara percuma, pemeriksaan Fungsi Lipid dan Hati secara percuma, demonstrasi CPR, kempen derma darah dan ceramah penjagaan kesihatan jantung.

Manakala bagi program *Pinktober Run 2022* pula, seramai 1,500 peserta telah memeriahkan program yang diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor. Selain daripada memberi kesedaran kepada masyarakat berkaitan kanser payudara khususnya dalam kalangan wanita di Malaysia program ini turut mendidik masyarakat supaya mengamalkan gaya hidup sihat. Penganjuran pelbagai program seperti ini menunjukkan komitmen tidak berbelah bahagi Yayasan JCorp untuk meningkatkan kualiti hidup komuniti.

9. Bantuan Fasiliti Sekolah

Yayasan JCorp turut memperuntukkan RM10,000 bagi membantu sekolah dalam menaik taraf fasiliti dan kemudahan yang sedia ada. Bantuan ini termasuklah pembelian peralatan bilik darjah, naik taraf surau dan dewan terbuka, pembelian meja dan kerusi, pemberian komputer terpakai.

PENDIGITALAN YAYASAN JCORP

TRANSFORMASI DIGITAL UNTUK KEBERKESANAN PENGURUSAN



Objektif inisiatif pendigitalan di Yayasan JCorp adalah seperti berikut:

- Menselarikan aspek pengurusan dan pemprosesan data di peringkat JCorp dan syarikat Kumpulan
- Memudahkan aktiviti pendaftaran dan pengumpulan data peserta
- Menjimatkan kos dan masa bagi pengurusan data
- Mengumpulkan data pada sebuah platform yang mudah diakses
- Memudahkan aktiviti promosi silang dan membuat keputusan

Penerapan pendigitalan yang telah dilaksanakan oleh Yayasan Jcorp adalah:

1. Sistem 'Scoring' : Pemilihan Pelajar Secara Telus dan Efisien

Sistem ini dibangunkan bagi memperkukuh lagi proses penyaluran sumbangan kepada pelajar. Selain itu, ia turut mempermudah proses permohonan yang semakin meningkat dan memastikan sumbangan yang diberikan diterima oleh pemohon yang layak dan sesuai dengan kriteria yang ditetapkan.

Boleh diakses secara dalam talian - melalui telefon bimbit, sistem ini akan menyaring dan menilai pemohon mengikut kriteria yang telah ditetapkan, serta mengeluarkan laporan dalam bentuk grafik dan carta. Berperanan sebagai pangkalan penyimpanan data peserta Bantuan Pendidikan sistem ini turut menitikberatkan keselamatan data pemohon di samping mampu mengesan permohonan berulang kali. Sehingga kini, hampir 500 data pemohon telah disimpan melalui sistem ini.

P erkembangan teknologi terkini turut mempengaruhi operasi dan pengurusan sesebuah organisasi di mana pendigitalan menjadi aspek penting dalam pengurusan data dan maklumat berkaitan. Selaras dengan pemusatan peranan Yayasan JCorp sebagai titik fokus untuk semua aktiviti CSR JCorp dan syarikat Kumpulan, Yayasan JCorp sedar akan kepentingan transformasi digital dalam menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan efisien. Selain itu, ia membolehkan perkongsian maklumat dengan lebih berkesan sekali gus membantu pihak pengurusan membuat keputusan dengan pantas dan efektif.

Yayasan JCorp mengambil berat isu keselamatan data. Oleh itu, langkah-langkah memastikan data yang diperolehi disimpan dengan selamat.

// Yayasan JCorp sedar akan kepentingan transformasi digital dalam menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan efisien. //

Sistem 'Scoring' ini membantu Yayasan JCorp memastikan bahawa proses permohonan dan pemilihan pelajar yang layak untuk menerima sumbangan pendidikan dilakukan dengan cara yang cepat, efisien, dan telus. Ini juga merupakan sebahagian daripada komitmen Yayasan JCorp untuk memberikan bantuan pendidikan yang lebih baik kepada para pelajar dan memastikan bahawa sumbangan pendidikan diterima oleh pemohon yang benar-benar berhak dan layak.

2. Sistem Pelaporan : Kecekapan dalam Menguruskan Maklumat

Yayasan JCorp memperkenalkan sistem pelaporan untuk memudahkan peserta program untuk membuat laporan aktiviti perniagaan mereka. Maklumat ini juga boleh diakses secara serentak oleh pihak yang berkepentingan seperti sekolah, agensi kerajaan dan mereka yang diberi akses untuk melihat laporan tersebut.

3. 'Payment Gateway'

Sistem yang digunakan oleh Yayasan JCorp untuk memudahkan aktiviti 'crowdfunding', sumbangan pihak luar dan lain-lain. Melalui aplikasi ini, segala sumbangan boleh dibuat secara di atas talian berbanding sebelum ini yang diterima secara fizikal.

4. Penganjuran Program

Kesan daripada wabak Covid-19 sebelum ini, majoriti penganjuran program yang dianjurkan secara fizikal telah diadakan secara atas talian. Contohnya seperti kursus 'ToT', forum dan kursus-kursus kepada penerima manfaat.

5. E-Sijil

Setiap peserta yang menyertai program anjuran Yayasan JCorp layak menerima sijil penyertaan atau sijil penghargaan. Yayasan JCorp telah mengaplikasikan penggunaan e-sijil kepada para pesertanya di mana sebanyak 3,000 e-sijil telah dimuat turun.



// Yayasan JCorp mengambil berat isu keselamatan data. Oleh itu, langkah-langkah memastikan data yang diperoleh disimpan dengan selamat. //

PEMATUHAN DAN TADBIR URUS

JAWATANKUASA PEMBELIAN DAN KELULUSAN PROGRAM

Peranan :

- 1) Membincangkan hal-hal berkaitan pembelian barangan, peralatan, pelaksanaan program, latihan, pelantikan konsultan, barang-barang hadiah dan cenderahati.
- 2) Bertanggungjawab meluluskan permohonan/pembelian mengikut syarat dan kriteria yang ditetapkan.
- 3) Ke kerapannya diadakan berdasarkan kepada keperluan atau permohonan dari pihak Yayasan JCorp.
- 4) Kelulusan juga boleh diperolehi melalui Ketetapan Beredar (*circular resolution*) bagi perkara-perkara penting yang memerlukan kelulusan segera.
- 5) Minimum tiga orang yang hadir dan mesyuarat boleh diteruskan serta mengambilkira keputusan yang di buat tersebut.

Senarai Ahli Jawatankuasa

NAMA	
PENGERUSI :	
1.	Encik Ahmad Sharifuddin Abdul Rahman Pengurus Besar Kanan Jabatan Perolehan Kumpulan, JCorp
JAWATANKUASA :	
2.	Encik Abdul Rahman Yusoff Jabatan Venture Builder
3.	Puan Siti Hajar Marhani Jabatan Kewangan & Strategi Kewangan
4.	Puan Nur Adilah Nuha Abdullah Jabatan Pentadbiran JCorp
5.	Cik Noor Fazidah Mohamed Sharif Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan
Setiausaha Puan Rosita Md Ali (Yayasan JCorp)	

JAWATANKUASA SUMBER & PENYALURAN DANA PENDIDIKAN YAYASAN JOHOR CORPORATION

Peranan :

- 1) Membincangkan dan menetapkan kadar sumbangan yang bakal diterima oleh pemohon berdasarkan kes yang dikemukakan.
- 2) Bertanggungjawab meluluskan permohonan mengikut syarat dan kriteria yang telah ditetapkan.
- 3) Memastikan sumbangan yang diperuntukkan diuruskan secara telus.
- 4) Bersidang berdasarkan kepada keperluan dan permohonan.
- 5) Kelulusan juga boleh diperolehi melalui Ketetapan Beredar (*circular resolution*) bagi perkara-perkara penting yang memerlukan kelulusan segera.

Senarai Ahli Jawatankuasa

NAMA	
PENGERUSI :	
1.	Encik Fadhly Suffian Laili Pejabat Presiden & Ketua Eksekutif JCorp
JAWATANKUASA :	
2.	Puan Haliza Khalid Hospital Pakar KPJ Johor
3.	Prof. Dr. Mohd Zaher Mohd Zain KPJ Healthcare University College (KPJUC)
4.	Encik Fadzli Syahrir A. Rahim Kulim (Malaysia) Berhad
5.	Puan Jamalia Ibrahim QSR Brands (M) Holdings Bhd
6.	Cik Razana Jamiun Johor Land Berhad
7.	Encik Mohd Saffian Hj Jaafar Damansara Assets Sdn Bhd
Setiausaha Puan Norashikin Khamsani (Yayasan JCorp)	

JAWATANKUASA PERHUBUNGAN INDUSTRI DAN INSTITUSI KEMAHIRAN YAYASAN JOHOR CORPORATION

Peranan :

- 1) Memantau dan menyelaras keperluan majikan & penempatan pelajar kemahiran.
- 2) Mengawal kualiti, keperluan dan pematuhan program.
- 3) Jaringan antara keperluan industri dan institusi kemahiran.
- 4) Pengumpulan data (*data centre*) majikan dan pelajar khususnya di negeri Johor.
- 5) Mengadakan mesyuarat/perjumpaan tiga bulan sekali atau berdasarkan kepada keperluan atau permohonan daripada mana-mana pihak.

Senarai Ahli Jawatankuasa

JAWATANKUASA	NAMA
1. Pengerusi	Tuan Haji Bukhari Abd Rahman Ketua Eksekutif Waqaf An-Nur Corporation Berhad / Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan JCorp
Ahli Jawatankuasa	
2. Majlis Amanah Rakyat (MARA) Johor	Puan Nor Uyon Shoib Pengarah
3. Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Selatan	Encik Mohamad Musa Ahmad Pengarah
4. Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) Johor	Encik Puviyen Thevar A/L Thiagarajan Pengurus Cawangan
5. Unit Strategik Modal Insan Johor	Puan Tazrina Ahmad Pengurus Besar
6. Johor Petroleum Development Corporation	Encik Hilmy Hussain Ketua Jabatan Tenaga Kerja Industri
7. Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) Wilayah Selatan	Puan Uma Devi A/P Prapakaran Konsultan Perhubungan Industri
8. Jabatan Pendidikan Negeri Johor	Encik Kamarudin Abu Ketua Penolong Pengarah Kanan (TVET)

JAWATANKUASA	NAMA
Ahli Jawatankuasa	
9. Institut Latihan Perindustrian Pasir Gudang	Ts Dr Alina A. Rahman@Othman Pengarah
10. Johor Skill Development Centre (PUSPATRI)	Encik Sallehuddin Mohd Nor Pengurus Besar
11. Institut Kemahiran MARA Johor	Encik Fazli Rizal Ismail Pengarah
12. Kolej Komuniti Bandar Penawar	Dr Ali Sis Pengarah
13. GIATMARA Johor	Encik Abdul Muhib Abdullah Pengarah
14. Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Bandar Penawar	Encik Mohd Saipuddin Zakaria Pengarah
Setiausaha	
15. Yayasan JCorp	Encik Mohamad Nasir Hassan Encik Muhammad Munir Mazlan

HALA TUJU YAYASAN JCORP 2023

Yayasan JCorp mempunyai pelan hala tuju komprehensif yang meliputi pelbagai inisiatif bertujuan untuk memperkasa pendidikan, seni, budaya dan warisan, alam sekitar, kesejahteraan komuniti, meningkatkan kemahiran dan peluang pekerjaan bagi belia, dan menggalakkan pertumbuhan sosioekonomi di negara ini.

Salah satu bidang fokus utama adalah untuk menyediakan pendidikan berkualiti melalui kerjasama dengan organisasi dan institusi yang berbeza. Yayasan JCorp telah memperkukuh kerjasama dengan organisasi seperti Temasek Foundation, Jabatan Pendidikan Johor, Jabatan Pertanian Johor, FAMA, dan Kulim (Malaysia) Berhad, Deloitte Malaysia dan The Asia Foundation untuk mencapai matlamat tersebut.

Selain pendidikan, Yayasan juga telah berusaha meningkatkan kemahiran dan peluang pekerjaan melalui program Sistem Latihan Dual Nasional dengan QSR Brands (M) Holdings Bhd untuk latihan perkhidmatan makanan segera, yang memberi manfaat kepada para pelajar. Yayasan JCorp turut mewujudkan kemudahan latihan industri dan inisiatif pembangunan kerjaya dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Kemahiran, pusat latihan, dan majikan, dengan memastikan penempatan pekerjaan untuk para pelajar yang terlibat. Inisiatif seperti ini bukan sahaja meningkatkan pertumbuhan sosioekonomi malah membantu memberikan komuniti terutamanya di Johor prospek yang lebih baik.

Inisiatif lain di bawah hala tuju ini termasuklah pemeliharaan warisan dan kreativiti yang bukan sahaja membangunkan kawasan seni, kebudayaan, dan warisan malah turut mempromosi artis tempatan dan aktiviti berkaitan.

Manakala bagi bidang fokus Alam Sekitar Yayasan telah bekerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor dan Universiti Teknologi Malaysia, Johor Land Berhad dan Kulim (Malaysia) Berhad.









Peningkatan sosioekonomi dan kutipan dana turut dikenal pasti di bawah hala tuju ini sebagai inisiatif utama yang dapat membantu memperkasa komuniti dan meningkatkan kehidupan mereka.

Inisiatif lain di bawah hala tuju ini termasuklah pendigitalan dan penjenamaan Yayasan JCorp yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dan meningkatkan kesedaran terhadap Yayasan sebagai sebuah entiti.

Yayasan memberikan tumpuan kepada perancangan strategik, pembangunan kerjasama, pengoptimuman sumber, dan penilaian impak dalam memastikan kelestarian dan kejayaan inisiatif-inisiatif ini. Oleh itu, hala tuju ini merangkumi pengenalan bidang fokus utama, pembangunan kerjasama dengan pihak berkepentingan yang relevan, pengagihan sumber untuk memaksimumkan impak, dan pelaksanaan mekanisme pemantauan dan penilaian yang berkesan untuk mengukur kejayaan setiap inisiatif.

// Yayasan memberikan tumpuan kepada perancangan strategik, pembangunan kerjasama, pengoptimuman sumber, dan penilaian impak... //

Antara inisiatif utama yang telah dikenal pasti di bawah Hala Tuju Yayasan JCorp:

 <h3>PENDIDIKAN BERKUALITI</h3> <p>Memperkuh kerjasama:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Temasek Foundation, Jabatan Pendidikan Johor, Jabatan Pertanian Johor, FAMA & Kulim (Malaysia) Berhad berkenaan Program STEM – Teknologi pertanian bandar (10 buah sekolah) 2. Projek Tuisyen (62 buah sekolah) 3. The Asia Foundation dalam program 'Books for Asia' & program 'Let's Read' (20,000 buah buku) 4. Kelayakan profesional MyPac (10 orang pelajar) 	 <h3>PENINGKATAN KEMAHIRAN & PELUANG PEKERJAAN</h3> <ol style="list-style-type: none"> 1. Program Sistem Latihan Dual Nasional dengan QSR Brands (M) Holdings Bhd di restoran perkhidmatan pantas (25 orang pelajar) 2. Latihan Industri dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran, pusat latihan, dan majlikan untuk memastikan penempatan pekerjaan (120 orang pelajar) 3. Pembangunan Kerjaya untuk memperoleh Sijit Kemahiran Malaysia. 	 <h3>PEMELIHARAAN WARISAN & KREATIVITI</h3> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pembangunan Kawasan Seni, Kebudayaan, dan Warisan di IIBD: <ul style="list-style-type: none"> – Program Residensi Seni – Program Geran Downtown JB – Projek Pembangunan Hutan Bandar 2. Kerjasama dengan: <ol style="list-style-type: none"> i. Kumpulan Hospital KPJ & Galeri Seni Negara dalam mempromosi artis tempatan dan aktiviti galeri seni ii. B5 Johor Street Market dalam mempromosi Seni, Kebudayaan, & Warisan Johor iii. Persatuan Sejarah Malaysia, Johor dengan menganjurkan webinar dan program pendidikan 	 <h3>ALAM SEKITAR</h3> <ol style="list-style-type: none"> 1. Program Kesedaran Alam Sekitar dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor & Universiti Teknologi Malaysia 2. Mewujudkan Rumah Hijau di kawasan bandar dengan kerjasama Johor Land Berhad dan Kulim (Malaysia) Berhad
 <h3>PENINGKATAN SOSIOEKONOMI</h3> <ol style="list-style-type: none"> 1. Bantuan pendidikan & sumbangan kepada keluarga B40 2. Membantu komuniti meningkatkan kehidupan mereka 3. Sukarelawan 	 <h3>KUTIPAN DANA</h3> <ol style="list-style-type: none"> 1. Bantuan Pendidikan untuk pelajar KPJUC 2. Pendanaan awam secara usaha sama 3. Geran daripada Kementerian & agensi kerajaan 4. Malam Penghargaan YJC 	 <h3>PENDIGITALAN</h3> <ol style="list-style-type: none"> 1. Sistem pelaporan 2. Pendanaan awam melalui gerbang pembayaran baharu 3. Program latihan kecekapan digital seperti pengekodan 4. Pembelajaran dalam talian – webinar, video, dan lain-lain 	 <h3>PENJENAMAAN</h3> <ol style="list-style-type: none"> 1. Laporan tahunan & buletin suku tahunan untuk pemegang saham dan penyumbang 2. Memperkuh jenama melalui media sosial dan penglibatan secara berkala dengan pihak media utama 3. Inisiatif "Sahabat Yayasan JCorp"

AKTIVITI DAN PROGRAM 2022

JANUARI 2022

6-31 JAN

Segmen Kapsul Soal Jawab @ BestFM : Bantuan Pasca Banjir
Segmen Kapsul Soal Jawab yang membicarakan tentang Bantuan Pasca Banjir Johor Corporation dan syarikat Kumpulan telah bersiaran di BestFM.



14 JAN

Webinar: Hikmah Di Sebalik Ujian Banjir
Program Hikmah Di Sebalik Ujian Banjir - Meyakini Janji Allah bersama YBhg Ustaz Ellyeen Amineen Mohd Salleh telah dijalankan secara webinar.



25 JAN

Penyerahan Penajaan Laksamana Run & Ride 2021

Yayasan JCorp telah menerima kunjungan daripada pengurusan Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor (YKTLJ) bagi penyerahan Sijil Penghargaan Penaja Program Laksamana Run & Ride 2021 bertempat di Menara KOMTAR, Johor Bahru City Centre, Johor.



10 FEB

Sumbangan PRE Ihsan

Yayasan JCorp menyerahkan baucar KFC kepada 20 sekolah rendah dan menengah untuk daerah Johor Bahru. Agihan baucar KFC ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Johor melalui PRE Ihsan Johor 3.0 yang memperuntukkan sejumlah RM1.4 juta baucar KFC kepada pelajar miskin dan asnaf seluruh Johor yang terkesan akibat Covid-19.



19 JAN

Majlis Serahan Bantuan Bencana Banjir Fasa 2
Majlis Serahan Bantuan Bencana Banjir Fasa 2 kepada Anggota Pekerja Johor Corporation dan syarikat Kumpulan telah diadakan di Dewan Anugerah, Menara KPJ, Kuala Lumpur.



FEBRUARI 2022

26 JAN

Majlis Serahan Replika Cek Johor Southern Volunteers

Majlis Serahan Replika Cek kepada Southern Volunteers telah diadakan di Pejabat Sekretariat SUKMA, Nusajaya, Johor. Serahan cek berjumlah RM50,000 telah disempurnakan oleh Pengerusi Yayasan JCorp, Encik Rozaini bin Mohd Sani kepada Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor, YB Dato' On bin Jabbar.

7 FEB

Majlis Serahan Sumbangan Komputer Riba Kepada Pelajar Projek Tuisyen Yayasan Johor Corporation

Majlis Sumbangan Komputer kepada Pelajar Projek Tuisyen Yayasan Johor Corporation telah diadakan di Jabatan Pendidikan Negeri Johor yang disempurnakan oleh Pengerusi Yayasan JCorp, Encik Rozaini bin Mohd Sani. Seramai 20 murid sekolah rendah terpilih dari sekitar Johor telah menerima komputer tersebut yang diwakili oleh Guru Besar sekolah masing-masing.



YAYASAN JCORP			
18 Feb 2022	9.45 am	2.45 pm	6.30 pm
19 Feb 2022	9.30am	11.30 am	4.15 pm

Segemen Kapsul Hebahan Radio Yayasan JCorp

Bersama

YBhg Ustaz Mohd Shafie Mustapha
Penolong Pengarah Pungutan Zakat
Majlis Agama Islam Negeri Johor

Memperkasakan Kualiti Hidup
Improving Quality of Life

18-19 FEB

Segmen Kapsul Soal Jawab @ BestFM : Program Pendidikan Tunas Jauhar

Sesi temu bual bersama YBhg Ustaz Mohd Shafie bin Mustapa, Penolong Pengarah Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Negeri Johor telah disiarkan di BestFM. Topik yang dibincangkan adalah mengenai Program Pendidikan Tunas Jauhar anjuran Yayasan JCorp dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri Johor.

AKTIVITI DAN PROGRAM 2022

MAC 2022

21-24 MAC


Segmen Kapsul Soal Jawab @ BestFM : Program Latihan Industri dan Kemahiran
 Temu bual bersama Tuan Haji Bukhari Abdul Rahman, Ahli Pemegang Amanah Yayasan JCorp merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Industri dan Institusi Kemahiran Yayasan JCorp di BestFM. Topik yang dibincangkan adalah mengenai Program Latihan Industri dan Kemahiran Yayasan JCorp.



APRIL 2022

8-11 APR

Segmen Kapsul Soal Jawab @ BestFM : Program Sustainable School
 Temu bual bersama Puan Supeyah Ab. Kadir, Guru Pembimbing bagi Program Sustainable School dari SMK Dato Abdul Rahman Yassin, Johor Bahru di BestFM yang membicarakan tentang Program Sustainable School anjuran Yayasan JCorp.



13 APR

Bengkel Kerja Penyelarasan Latihan Industri Pelajar Lulusan PVMA
 Bengkel Kerja Penyelarasan Latihan Industri Pelajar Lulusan PVMA diadakan secara atas talian dan melibatkan sebanyak 20 sekolah. Ia bertujuan menyelaraskan penempatan pelajar lepasan PVMA untuk menjalani latihan industri mengikut bidang kemahiran masing-masing serta mengenal pasti jumlah pelajar berdasarkan jumlah permohonan dan kekosongan di syarikat majikan.

MEI 2022

5-8 MEI

Segmen Kapsul Soal Jawab @ BestFM : Program Alam Sekitar
 Temu bual tentang alam sekitar bersama Encik Muhamad Amirul Syafiq bin Khairuddin, Penolong Pengarah Unit Komunikasi & Sebaran Makluman Jabatan Alam Sekitar, Negeri Johor di BestFM.





10 APR

Webinar Alam Sekitar

Program webinar - Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama yang membincangkan tentang kepentingan menjaga alam sekitar telah diadakan bersama panel jemputan iaitu, Penolong Pengarah Unit Komunikasi & Sebaran Maklumat Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor, Encik M Amirul Syafiq Khairuddin, dan Pengarah Pejabat Pelestarian Kampus, Universiti Teknologi Malaysia, Prof Ir. Ts. Dr. Mohd Fadhil Md Din.



19 APR

Bubur Lambuk Bersama JohorFM

Yayasan JCorp menyumbang lima kawah bubur lambuk sempena Program Bubur Lambuk JohorFM Pandu Lalu di Kompleks Penerangan dan Penyiaran Sultan Iskandar, Johor Bahru. Program ini disertai sukarelawan Sahabat Yayasan JCorp, Briged Waqaf dan Southern Volunteers yang membantu kerja menyediakan bubur lambuk seperti memasak, membungkus dan mengedarkan kepada orang ramai. Program disempurnakan YB Cik Norlizah binti Noh, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi Negeri Johor.

11 MEI

YJC & JCPA Di TV Alhijrah

Yayasan JCorp bersama Persatuan Cerebral Palsy Johor telah bersiaran di TV Alhijrah bagi program Assalamualaikum. Sesi temu bual itu dihadiri Pengerusi Yayasan JCorp, Encik Rozaini Mohd Sani dan Pengarah Persatuan Cerebral Palsy, Encik Yazid Mohamed Johor bagi membicarakan inisiatif Yayasan JCorp dalam membantu anak-anak istimewa.



12-15 MEI

Segmen Kapsul Soal Jawab @ BestFM : Program Latihan Industri & Kemahiran

Temu bual bersama Penolong Pengarah TVET, Jabatan Pendidikan Negeri Johor, Encik Kamarudin Abu di BestFM untuk membicarakan tentang Program Latihan Industri dan Kemahiran.

AKTIVITI DAN PROGRAM 2022

MEI 2022

17-18 MEI

Bengkel Pemurnian Modul 'Strive for Success 2.0'

Bengkel Pemurnian Modul 'Strive for Success 2.0' telah diadakan di Bilik Kesumba, Jabatan Pendidikan Negeri Johor, Johor Bahru. Seramai 10 orang guru pakar Bahasa Inggeris di negeri Johor telah menyertai bengkel ini.



22 MEI

Sumbangan Sempena Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri JCorp 2022

Yayasan JCorp telah menyantuni pertubuhan dan rumah kebajikan di Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri JCorp 2022 / 1443H di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor. YAB Datuk Onn Hafiz bin Dato' Ghazi, Menteri Besar Johor merangkap Pengerusi JCorp telah menyempurnakan dan menyampaikan sumbangan kepada Pertubuhan Kebajikan Shafar, Rumah Raudhatul Maryam, Rumah Barkat Johor dan Pusat Perlindungan Baitus Solehah. Selain itu, seramai 20 anak-anak yatim Pertubuhan Fitrah Qaseh menerima sumbangan duit raya.



4 JUN

Sumbangan Komputer Riba Deloitte

Seramai 24 peserta Program Deloitte KidsEdu Yayasan JCorp menerima komputer riba diperbaharui daripada Deloitte Malaysia di SkyScape, Menara JLand, Johor Bahru sempena meraikan sambutan Hari Raya untuk anak-anak dan keluarga. Program ini memfokuskan kepada tuisyen Bahasa Inggeris di mana tenaga pengajarnya terdiri daripada sukarelawan Deloitte Malaysia.





19 MEI

Webinar : Keusahawanan Digital Kajian Kes Sebenar

Webinar: Keusahawanan Digital - Kajian Kes Sebenar merupakan anjuran Yayasan JCorp dengan kerjasama Unit TVET, Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ). Ia turut menampilkan Pengasas & CEO OrderSini.com, Encik Iffat Salleh dan Pengarah Urusan Redcube Solutions PLT, Puan Zuraidah Sanusi sebagai panel jemputan.



JUN 2022



1-3 JUN

Segmen Kapsul Soal Jawab @ BestFM : Bantuan Pendidikan

Temu bual bersama Pengerusi Jawatankuasa Sumber & Penyaluran Dana Bantuan Pendidikan Yayasan Johor Corporation, Encik Fadhly Suffian Laili di BestFM bagi membicarakan topik mengenai Bantuan Pendidikan Yayasan Johor Corporation.

7 JUN

Penyerahan Tablet : Program Deloitte KidsEdu - Yayasan JCorp

Seramai enam pelajar terpilih untuk menerima hadiah tablet setelah mendapat keputusan terbaik dalam ujian. Majlis serahan ini telah berlangsung di SkyScape, Menara JLand, Johor Bahru dengan disempurnakan oleh Pengerusi Yayasan JCorp, Encik Rozaini Mohd Sani dan Rakan Kongsi Audit Deloitte Malaysia Johor, Puan Nor Suhana Sulaiman.



8-10 JUN

Segmen Kapsul Soal Jawab @ BestFM : Projek Tuisyen Sekolah Menengah

Temu bual bersama Penolong Pengarah Kanan TVET, Jabatan Pendidikan Negeri Johor, Encik Kamarudin Abu di BestFM membicarakan topik mengenai inisiatif Projek Tuisyen Yayasan JCorp Sekolah Menengah bagi Mata Pelajaran Elektif Iktisas (MPEI).



AKTIVITI DAN PROGRAM 2022

JUN 2022



12 JUN

Kutip Sampah Sambil Beriadah (KUDAH)

Program Kutip Sampah Sambil Beriadah (KUDAH) di Kampung Kukup Laut, Kampung Ayer Masin dan Kampung Benteng Kanan, Kukup di Pontian adalah hasil kerjasama Yayasan JCorp dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai menerusi Centre for Environmental Sustainability and Water Security (IPASA) dan Research Institute for Sustainable Environment (RISE) UTM Johor Bahru. Kira-kira 100 peserta termasuk pelajar dan anggota pekerja UTM, Majlis Daerah Pontian, sukarelawan Sahabat Yayasan Johor Corporation, Briged Waqaf dan penduduk setempat telah menjayakan program ini.

24-26 JUN



Segmen Kapsul Soal Jawab @ BestFM : Latihan Industri dan Kemahiran

Temu bual bersama Pengurus Besar, Unit Strategik Modal Insan (SMI), Negeri Johor, Puan Tazrina Ahmad di BestFM untuk membicarakan Program Latihan Industri dan Kemahiran.



54

JULAI 2022

16 JULAI

Sumbangan Kebajikan dan Pembangunan Pelajar UTM

Yayasan JCorp dan syarikat Kumpulan JCorp menyumbang RM500,000 untuk kebajikan dan pembangunan pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Sumbangan disampaikan Pengerusi Yayasan JCorp, Encik Rozaini Mohd Sani kepada Naib Canselor UTM, YBhg Datuk Ts. Dr. Ahmad Fauzi Ismail pada Majlis Santapan DiRaja UTM Royal Gala Dinner 2022 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor, Johor Bahru. Berangkat bercemeraduli ialah Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah Binti Almarhum Sultan Idris Shah, Permaisuri Johor dan Yang Amat Mulia, Che' Puan Besar Khaleeda binti Bustamam.



20 JUN

Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan & Surat Penempatan Pelajar Latihan Industri Yayasan Johor Corporation

Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan & Surat Penempatan Pelajar Latihan Industri Yayasan Johor Corporation berlangsung di KPJ International College, Bandar Dato Onn, Johor Bahru. Majlis disempurnakan YBhg Tuan Haji Bukhari Abd Rahman, Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Industri & Institusi Kemahiran Yayasan JCorp merangkap Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Johor Corporation.



29-30 JUN

Segmen Kapsul Soal Jawab @ BestFM : Latihan Industri & Kemahiran

Temu bual bersama Pengarah Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Selatan, Encik Mohammad Musa Ahmad di BestFM untuk membicarakan Program Latihan dan Kemahiran.



29 JUN

Jelajah Kami Prihatin

Yayasan JCorp menyertai Program Jelajah Kami Prihatin 'Kasih JohorFM' anjuran Kelab RTM Johor Bahru di Kampung Paya, Jalan Kampung Tengah Kluang, Johor. Program ini bertujuan untuk menyantuni warga emas, Puan Ummi binti Jamal dan anaknya Suzana binti Ab Karim yang merupakan individu cacat penglihatan.

24 JULAI

Program Gerak Mesra, Pontian

Yayasan JCorp menyertai Program Gerak Mesra anjuran Majlis Perbandaran Pontian dengan kerjasama Ahli Majlis Zon Pontian bertempat di Taman Rekreasi Rambah, Pontian Johor. Majlis disempurnakan YBhg Encik Mohd Ezzudin bin Sanusi, Yang DiPertua Majlis Perbandaran Pontian.



AKTIVITI DAN PROGRAM 2022

OGOS 2022

6 OGOS

Malaysia Student Leader's Summit 2022

Yayasan JCorp menyertai Malaysian Student Leaders' Summit 2022 anjuran Majlis Perwakilan Pelajar Malaysia di United Kingdom bertempat di Hotel Intercontinental, Kuala Lumpur. Selain itu, KPJ Healthcare University College turut membuka ruang pameran di persidangan tersebut.



6 OGOS

Penyerahan Mock Cheque Laksamana Neon Run 2022

Tuan Haji Bukhari Abd Rahman Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan JCorp merangkap Ketua Eksekutif Waqaf An-Nur Corporation Berhad telah menyerahkan cek Laksamana Neon Run 2022 kepada YAM Tunku Tun Aminah Ibni Sultan Ibrahim Penaung Diraja Laksamana Run bertempat di Dataran Iskandar Puteri, Johor Bahru.



13-15 OGOS

Sesi Perbincangan Meja Bulat Bagi Memperhalusi Program SLDN

Sesi perbincangan meja bulat bagi memperhalusi Program Skim Latihan Dual Nasional (SLDN) telah diadakan di Hatten Hotel, Melaka. Perbincangan itu menjadi medan percambahan idea agensi yang terlibat terutama Jabatan Pembangunan Kemahiran; Jabatan Pendidikan Negeri Johor; QSR Brands (M) Holdings Bhd dan Yayasan JCorp.



25 OGOS

Hari Sukaneka Tahunan Sekolah Pendidikan Khas Cerebral Palsy Johor

Yayasan JCorp menyantuni kanak-kanak pendidikan khas di Persatuan Cerebral Palsy Johor sempena sambutan Hari Sukaneka Tahunan Sekolah Pendidikan Khas Cerebral Palsy Johor. Turut hadir ke majlis tersebut adalah Yang Berhormat Mulia Tunku Tan Sri Osman, Pengerusi Persatuan Cerebral Palsy Johor.



30 OGOS

Training of Trainers Volunteer KidsEdu & Taklimat Sukarelawan JSCLC

Sesi taklimat dan latihan kepada pelajar Johor Student Leaders Council (JSCLC) oleh Deloitte Malaysia diadakan di Cerebrum, Level 24, Menara KOMTAR, Johor Bahru City Centre, Johor Bahru. Taklimat ini sebagai persediaan kepada pelajar ini untuk menjadi tenaga pengajar program English KidsEdu sekali gus menjadi sukarelawan Yayasan JCorp.



9 OGOS

Majlis Makan Malam & Penghargaan Laksamana Neon Run 2022

Johor Corporation menerusi Yayasan JCorp menerima sijil penghargaan sempena tajaan Johor Corporation dan syarikat Kumpulan bagi program Laksamana Neon Run 2022. Majlis penyerahan disempurnakan Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah Binti Almarhum Sultan Idris Shah, Permaisuri Johor bertempat di Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Johor Bahru.



14 OGOS

Kurniaan Kotak Barangan Makanan Asas Daripada Permaisuri Johor

Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah Binti Almarhum Sultan Idris Shah, Permaisuri Johor memberi kurniaan kotak barangan makanan kepada 150 keluarga dari golongan asnaf dan B40 dari sekitar Mukim Bandar Johor Bahru, Mukim Plentong dan Mukim Pulau. Sumbangan disampaikan menerusi Yayasan JCorp kepada penerima.

22 OGOS

Bengkel TVET Di Kluang

Yayasan JCorp dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Johor - Unit TVET telah menganjurkan Bengkel Kerja Pembinaan Model Tuisyen MPEI iaitu bagi subjek Perakaunan, Ekonomi dan Perniagaan bertempat di Pejabat Pendidikan Daerah Kluang. Seramai 30 guru dari 15 sekolah negeri Johor menyertai bengkel tersebut.



SEPTEMBER 2022



3 SEP

Webinar : Sukarelawan Perubahan Sosial

Webinar Sukarelawan Perubahan Sosial telah dikendalikan oleh panel jemputan iaitu Puan Zulaikha Zulkifli, Ketua Jabatan Pengurusan Sukarelawan MERCY Malaysia dan Cik Siti Zubaidah Samat, Pembantu Belia & Sukan Pusat Pembangunan Belia Johor (JOYDEC).

AKTIVITI DAN PROGRAM 2022

SEPTEMBER 2022

24 SEP

Program Denai Sungai Bersama Komuniti
Bersempena Sambutan Hari Air Sedunia, Yayasan JCorp menyertai Program Denai Sungai Bersama Komuniti 2022 (DSKom2022) anjuran Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dengan kerjasama Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP). Seramai 240 peserta menyertai program ini yang melibatkan pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah, penduduk setempat, Institusi Pendidikan Guru, pelajar UTM dan Sukarelawan Sahabat Yayasan JCorp.



OKTOBER 2022

30 SEP

Program Jom Tengok Wayang
Sempena bulan memperingati pejuang kanser kanak-kanak setiap September, Yayasan JCorp menaja baucar KFC pada Program Jom Tengok Wayang anjuran Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor (YKTLJ) bertempat di AEON Bandar Dato' Onn, Johor Bahru.



6 OKT

Lawatan Ke Temasek Foundation
Yayasan JCorp bersama Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan Yayasan Sultan Ibrahim Johor mengadakan lawatan kerja ke Temasek Foundation Singapura untuk melihat potensi kerjasama dalam bidang STEM. Ketika lawatan, delegasi telah dibawa melawat Temasek Shophouse dan National Institute of Education serta Bengkel Pusat Cetakan 3D.

22 OKT

Pinktober Run
Yayasan JCorp adalah rakan strategik bagi acara Pinktober Run 2022 anjuran Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor dan mendapat sambutan lebih 1,500 peserta. Acara ini turut disokong bersama syarikat Kumpulan JCorp iaitu Kulim (Malaysia) Berhad, KPJ Healthcare Berhad, QSR Brands (M) Holdings Bhd dan JLand Group Sdn Bhd.



27 SEP

Think Pink

Yayasan JCorp menyumbang RM25,000 bagi Program Think Pink anjuran Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor (YKTLJ). Majlis pelancaran telah berlangsung di Hospital Pakar KPJ Johor, Johor Bahru.

29 SEP - 2 OKT

Shine World Heart Day

Yayasan JCorp menyertai pameran di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor sebagai rakan strategik bagi program Shine For World Heart Day. Untuk program ini, Yayasan JCorp membuka pendaftaran Sukarelawan Sahabat Yayasan JCorp di mana seramai 360 pengunjung telah mendaftar. Program anjuran Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor ini turut disertai KPJ Healthcare Berhad Wilayah Selatan iaitu Hospital Pakar KPJ Johor, Hospital Pakar KPJ Bandar Dato' Onn dan Hospital Pakar KPJ Pasir Gudang.



13 OKT

Majlis Pelantikan Sekolah Dan Penyerahan Modul Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas (MPEI)

Majlis Pelantikan Sekolah Dan Penyerahan Modul Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas (MPEI) merangkumi subjek Ekonomi, Perniagaan dan Perakaunan Sekolah Menengah Negeri Johor telah berlangsung di Cerebrum, Tingkat 24, Menara KOMTAR, JBCC, Johor Bahru. Wakil daripada 15 sekolah sekitar Johor menerima modul tersebut.



26 OKT

Bantuan Lanjut Pengajian ACCA kepada Keluarga B40

Lapan pelajar cemerlang menerima bantuan pendidikan daripada Yayasan JCorp bagi melanjutkan pengajian dalam bidang perakaunan profesional The Association of Chartered Certified Accountant (ACCA) membabitkan tajaan berjumlah RM850,000. Majlis penyerahan surat pembiayaan telah berlangsung di Menara KPJ, Kuala Lumpur yang disampaikan oleh Pengerusi Yayasan JCorp, Encik Rozaini Mohd Sani.



AKTIVITI DAN PROGRAM 2022

NOVEMBER 2022

8 NOV

Seminar Pendidikan STEM Penuhi Keperluan Bakat Masa Depan

Yayasan JCorp dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Johor menganjurkan seminar bertajuk Pendidikan STEM Penuhi Keperluan Bakat Masa Depan di Hotel Trove, Johor Bahru. Seminar tersebut disiarkan secara langsung melalui Facebook Page Yayasan JCorp dan YouTube Jabatan Pendidikan Negeri Johor.



DISEMBER 2022



2 DIS

Sumbangan Sempena Majlis Gala Makan Malam Amal Rays of Light

JCorp dan syarikat Kumpulan iaitu Kulim (Malaysia) Berhad; KPJ Healthcare Berhad; QSR Brands (M) Holdings Bhd; JLand Group Sdn Bhd; dan Yayasan JCorp telah menyumbang RM50,000 kepada Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor (YKTLJ) untuk disalurkan kepada pesakit kanser yang terpilih. Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah Binti Almarhum Sultan Idris Shah telah berkenan bercemar duli menyempurkan majlis penyerahan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor.

20 DIS

Majlis Penyerahan Rumah Hijau Agro Terapi Kepada Persatuan Cerebral Palsy Johor

Pada 20 Disember 2022 telah berlangsung Majlis Penyerahan Rumah Hijau Agro Terapi Kepada Persatuan Cerebral Palsy Johor yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Mulia Tuanku Fatimah Faridah binti Tunku Osman, Pengerusi CPJ dan Mohd Faris Adli Shukery, Pengarah Urusan Kulim (M) Berhad.





PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022



KANDUNGAN

63

Laporan Para Pemegang Amanah

66

Penyata Kedudukan Kewangan

67

Penyata Untung atau Rugi dan Lain-lain Pendapatan Komprehensif

68

Penyata Perubahan Dana

69

Penyata Aliran Tunai

70

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

74

Kenyataan oleh Pemegang Amanah

Pengakuan Berkanun

75

Laporan Juruaudit Bebas kepada Ahli-ahli

LAPORAN PARA PEMEGANG AMANAH

Para pemegang amanah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka dan penyata kewangan Yayasan yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2022.

1. MATLAMAT

Matlamat penubuhan Yayasan adalah sebagai sebuah badan amal yang menerima, merancang, mengurus dan mentadbir dana bagi tujuan kebajikan, pendidikan, pembangunan usahawan dan latihan teknikal.

Tidak terdapat perubahan yang ketara dalam kegiatan-kegiatan di atas sepanjang tahun semasa.

2. KEPUTUSAN KEWANGAN

RM

Lebih pendapatan komprehensif dalam tahun semasa

586,377

3. RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada sebarang pindaan ketara kepada atau daripada rizab atau peruntukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022.

4. LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

Para pemegang amanah yang memegang jawatan sepanjang tahun kewangan dan sepanjang tempoh dari akhir tahun kewangan hingga tarikh laporan ini adalah:-

Rozaini bin Mohd Sani
Dato' Yahya bin Ahmad
Azman bin Adnan
Bukhari bin Abd Rahman
Md Said bin Md Daimon (Dilantik pada 7 November 2022)

Sejak akhir tahun kewangan lalu, tiada di antara para pemegang amanah Yayasan yang telah menerima atau berhak menerima sebarang faedah akibat daripada perjanjian yang dibuat oleh Yayasan atau syarikat-syarikat berkaitan dengan pemegang amanah ataupun dengan firma di mana pemegang amanah adalah seorang ahli, atau dengan syarikat di mana pemegang amanah mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

Sama ada semasa atau pada penghujung tahun kewangan, Yayasan tidak terlibat dengan sebarang rancangan yang bertujuan untuk membolehkan para pemegang amanah mendapat faedah melalui perolehan saham atau debentur dalam mana-mana badan korporat.

LAPORAN PARA PEMEGANG AMANAH

5. JAMINAN PERLINDUNGAN DAN KOS INSURAN

Tiada jaminan perlindungan yang diberikan atau premium insuran yang dibayar, sepanjang atau sejak akhir tahun, bagi mana-mana orang yang telah atau pernah menjadi pengarah, pegawai atau juruaudit Yayasan.

6. LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN

(a) Sebelum penyata untung atau rugi dan lain-lain pendapatan komprehensif dan penyata kedudukan kewangan Yayasan disediakan, para pemegang amanah telah mengambil langkah-langkah wajar bagi:-

- (i) memastikan bahawa tindakan yang wajar diambil berkaitan dengan menghapuskira hutang lapuk dan membuat elaun hutang ragu dan mereka telah berpuashati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui, telah dihapuskira dan elaun yang mencukupi telah dibuat bagi hutang ragu; dan
- (ii) memastikan bahawa sebarang harta semasa yang nilai bukunya tidak dapat diperolehi dalam kegiatan biasa perniagaan, nilai yang tercatat di rekod perakaunan Yayasan telah disusutkan kepada nilai yang dianggap boleh diperolehi.

(b) Pada tarikh laporan ini:-

- (i) para pemegang amanah tidak mengetahui sebarang keadaan yang memerlukan Yayasan menghapuskiran hutang lapuk atau membuat peruntukan untuk hutang ragu di dalam penyata kewangan Yayasan;
- (ii) para pemegang amanah tidak mengetahui sebarang keadaan yang boleh menimbulkan kekeliruan atas nilai harta semasa dalam penyata kewangan Yayasan;
- (iii) para pemegang amanah tidak mengetahui sebarang keadaan yang telah timbul yang boleh mengakibatkan kaedah penilaian harta atau tanggungan Yayasan mengelirukan atau tidak sesuai;
- (iv) para pemegang amanah tidak mengetahui sebarang keadaan selain dari yang telah dinyatakan dalam laporan ini atau dalam penyata kewangan Yayasan yang akan mengakibatkan sebarang jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan tersebut mengelirukan;
- (v) tidak wujud sebarang cagaran ke atas harta Yayasan yang timbul sejak 31 Disember 2022 yang menjamin tanggungan-tanggungan pihak lain; dan
- (vi) tidak wujud sebarang tanggungan luarjangka yang timbul sejak 31 Disember 2022.

LAPORAN PARA PEMEGANG AMANAH

6. LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN (SAMB)

(c) Tiada tanggungan luarjangka atau lain-lain tanggungan Yayasan yang mungkin atau berkemungkinan akan berkuatkuasa dalam jangkamasa dua belas bulan dari 31 Disember 2022 yang mana, pada pendapat para pemegang amanah, akan atau boleh menjejaskan keupayaan Yayasan dalam memenuhi tanggungan mereka apabila tiba waktunya.

(d) Pada pendapat para pemegang amanah:-

(i) hasil kendalian Yayasan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 tidak terjejas dengan berkesan oleh apa-apa perkara, urusan atau kejadian utama yang penting dan luarbiasa; dan

(ii) tidak ada perkara, urusan atau kejadian utama yang berlaku antara 31 Disembe 2022 dan tarikh laporan ini, sebarang perkara, urusan atau kejadian utama yang penting dan luarbiasa yang mungkin mempengaruhi secara berkesan keputusan operasi Yayasan bagi tahun kewangan yang mana laporan ini disediakan.

7. JURUAUDIT

(a) Butiran ganjaran yang dibayar atau akan dibayar kepada juruaudit Yayasan bagi tahun kewangan adalah sebanyak RM4,500.

(b) Azman, Wong, Salleh & Co. telah menyatakan kesediaan mereka menerima perlantikan semula.

Bagi pihak Lembaga Pemegang Amanah,



Rozaini bin Mohd Sani
Pemegang Amanah



Bukhari bin Abd Rahman
Pemegang Amanah

Johor Bahru

Tarikh : **13 MAR 2023**

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2022

	Nota	2022 RM	2021 RM
ASET			
Aset semasa			
Lain-lain penghutang dan akaun belum terima	4	306,135	31,135
Simpanan tetap, tunai dan baki bank	5	5,307,408	5,182,915
Jumlah aset		5,613,543	5,214,050
EKUITI DAN LIABILITI			
Ekuiti pemegang saham			
Lebihan pendapatan terkumpul		5,583,314	4,996,937
Liabiliti semasa			
Lain-lain pemiutang dan akaun belum bayar	6	30,229	217,113
Jumlah Ekuiti dan Liabiliti		5,613,543	5,214,050

Nota-nota di mukasurat 70 hingga 73 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN LAIN-LAIN PENDAPATAN KOMPREHENSIF

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	Nota	2022 RM	2021 RM
PENDAPATAN		5,183,603	5,375,438
LAIN-LAIN PENDAPATAN		63,457	81,864
PERBELANJAAN		(4,660,683)	(4,849,250)
LEBIHAN PENDAPATAN SEBELUM CUKAI	8	586,377	608,052
CUKAI	9	-	-
LEBIHAN PENDAPATAN SELEPAS CUKAI MEWAKILI JUMLAH PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN		586,377	608,052

PENYATA PERUBAHAN DANA

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

Lebih
Pendapatan
Terkumpul

RM

Baki pada 1 Januari 2021	4,388,885
Lebih pendapatan tahun semasa	608,052
Baki pada 31 Disember 2021	<u>4,996,937</u>
Lebih pendapatan tahun semasa	586,377
Baki pada 31 Disember 2022	<u>5,583,314</u>

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	2022 RM	2021 RM
ALIRAN WANG TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Lebih pendapatan sebelum cukai	586,377	608,052
Pelarasan bagi:		
Keuntungan dari simpanan tetap dengan bank koperasi	(60,965)	(48,905)
Lebih pendapatan operasi sebelum perubahan modal kerja	525,412	559,147
Pertambahan dalam lain-lain penghutang dan akaun belum terima	(275,000)	(28,308)
Pengurangan dalam lain-lain pemiutang dan akaun belum bayar	(186,884)	(24,229)
Wang tunai dihasilkan daripada aktiviti operasi	63,528	506,610
Keuntungan diterima dari simpanan tetap dengan bank koperasi	60,965	48,905
LEBIHAN DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI DALAM TAHUN SEMASA	124,493	555,515
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	5,182,915	4,627,400
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN (NOTA 5)	<u>5,307,408</u>	<u>5,182,915</u>

Nota-nota di mukasurat 70 hingga 73 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2022

1. MAKLUMAT UMUM

Kegiatan utama Yayasan adalah sebagai sebuah badan amal yang menerima, merancang, mengurus dan mentadbir dana bagi tujuan kebajikan, pendidikan, pembangunan usahawan dan latihan teknikal.

Yayasan merupakan sebuah syarikat berhad dengan jaminan yang telah diperbadankan di Malaysia dan oleh itu tidak mempunyai saham.

Alamat berdaftar Syarikat adalah di Level 14, Menara KOMTAR, Johor Bahru City Centre, 80000 Johor Bahru, Johor.

Syarikat menjalankan kegiatannya di Level 18, Menara KOMTAR, Johor Bahru City Centre, 80000 Johor Bahru, Johor.

Penyata kewangan Yayasan telah diluluskan oleh para pemegang amanah pada

2. ASAS PENYEDIAAN DAN RINGKASAN DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN

2.1 Asas Penyediaan Penyata Kewangan

Penyata kewangan Yayasan disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRSs"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRSs") dan Peruntukan Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

Penyata kewangan Yayasan telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan di senarai polisi perakaunan.

Polisi perakaunan yang digunakan oleh Yayasan adalah konsisten dengan tahun-tahun kewangan terdahulu, selain daripada menggunakan MFRS yang dipinda seperti di Nota 2.2 di bawah.

2.2 Penerimaan pakai pindaan kepada MFRS

Dalam tahun kewangan semasa, Yayasan telah menggunakan pindaan kepada MFRS berikut, yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") berkuatkuasa bagi tempoh perakaunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2022:-

Berkuatkuasa bagi tempoh bermula pada atau selepas 1 Januari 2022

Pindaan kepada MFRS 3 – Rujukan kepada Rangka Kerja Konseptual

Pindaan kepada MFRS 116 – Terimaan sebelum Tujuan Penggunaan

Pindaan kepada MFRS 137 – Kontrak Membebaskan – Kos Memenuhi Kontrak

Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRS 2018-2020

Penggunaan pakai awal pindaan kepada MFRS di atas tidak akan mempunyai kesan ketara ke atas penyata kewangan Yayasan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2022

2. ASAS PENYEDIAAN DAN RINGKASAN DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMB)

2.3 Pindaan kepada MFRS yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa

Yayasan masih belum menggunakan pindaan kepada MFRS berikut yang telah pun dikeluarkan oleh Lembaga Piawai Perakaunan Malaysia ("MASB") tetapi masih belum berkuatkuasa:-

Berkuatkuasa bagi tempoh bermula pada atau selepas 1 Januari 2023

Pindaan kepada MFRS 101 – Pengkelasan Liabiliti sebagai Semasa atau Bukan Semasa

Pindaan kepada MFRS 101 – Pendedahan Dasar Perakaunan

Pindaan kepada MFRS 108 – Definisi Anggaran Perakaunan

Pindaan kepada MFRS 4 – Pengecualian Sementara daripada Penggunaan pakai MFRS 9 dan Pengecualian Sementara daripada Keperluan Spesifik pada MFRS 128

Pindaan kepada MFRS 17 – Penggunaan pakai awal MFRS 17 dan MFRS 9 – Maklumat Perbandingan

Pindaan kepada MFRS 112 – Cukai Tertunda Berkaitan dengan Aset dan Liabiliti Berpunca daripada Transaksi Tunggal

Berkuatkuasa bagi tempoh bermula pada atau selepas 1 Januari 2024

Pindaan kepada MFRS 101 – Liabiliti Bukan Semasa dengan Kovenan

Pindaan kepada MFRS 16 – Liabiliti Pajakan dalam Penjualan dan Pajakan Balik

Berkuatkuasa bagi tempoh bermula pada atau selepas tarikh yang akan ditentukan oleh MASB

Pindaan kepada MFRS 10. Penyata Kewangan Disatukan dan MFRS 128, Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama – Jualan atau Sumbangan Aset antara Pelabur dan Syarikat Bersekutu atau Usaha Sama

2.4 Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan dari sumbangan diiktiraf apabila ianya diterima. Sumbangan diterima adalah dikecualikan Cukai Pendapatan menurut Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan, 1967.

3. MATAWANG FUNGSIAN DAN PENYAMPAIAN

Elemen yang terdapat dalam penyata kewangan Yayasan adalah dinilai dengan menggunakan matawang utama entiti beroperasi ("matawang fungsian"). Ringgit Malaysia merupakan matawang fungsian dan penyampaian bagi Yayasan dalam penyata kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2022

4. LAIN-LAIN PENGHUTANG DAN AKAUN BELUM TERIMA

	2022 RM	2021 RM
Lain-lain penghutang	275,000	-
Deposit	31,135	31,135
	<hr/>	<hr/>
	306,135	31,135

5. SIMPANAN TETAP, TUNAI DAN BAKI BANK

	2022 RM	2021 RM
Simpanan tetap dengan bank koperasi	3,011,844	2,950,879
Tunai dan baki bank	2,295,564	2,232,036
	<hr/>	<hr/>
	5,307,408	5,182,915

72

6. LAIN - LAIN PEMIUTANG DAN AKAUN BELUM BAYAR

	2022 RM	2021 RM
Lain - lain pemiutang	24,729	211,613
Belanja terakru	5,500	5,500
	<hr/>	<hr/>
	30,229	217,113

7. PENDAPATAN

	2022 RM	2021 RM
Sumbangan Syarikat dan Korporat	4,355,984	4,200,075
Sumbangan awam dan individu	8,100	3,672
Sumbangan diterima untuk Persatuan Cerebral Palsy Johor	5,735	6,190
Terimaan daripada Inisiatif Bank Makanan	-	274,146
Terimaan daripada Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Ihsan Johor 3.0	721,080	682,720
Terimaan daripada Program Pendidikan Tunas Jauhar	85,015	85,015
Terimaan daripada Global Sadaqah	-	94,084
Sumbangan tabung bantuan banjir	7,689	29,536
	<hr/>	<hr/>
	5,183,603	5,375,438

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2022

8. LEBIHAN PENDAPATAN SEBELUM CUKAI

Lebihan pendapatan sebelum cukai adalah selepas ditolak/(dicampur) :-

	2022	2021
	RM	RM
Yuran audit	4,500	4,500
Yuran percukaian	1,000	1,000
Sewaan	134,277	159,968
Keuntungan daripada simpanan tetap dengan bank koperasi	(60,965)	(48,905)
Hibah	(2,492)	(2,182)
Kos pekerja :		
<u>Pentadbiran</u>		
Gaji, elaun dan bonus	573,206	310,360
KWSP dan PERKESO	59,035	49,957
Lain lain manfaat	-	5,240
<u>Operasi</u>		
Gaji, elaun dan bonus	870,815	742,113
KWSP dan PERKESO	137,748	120,626
Lain lain manfaat	-	12,228

9. CUKAI

Untuk tujuan percukaian, kelulusan telah diberi kepada Yayasan Johor Corporation mengikut Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967, di mana segala derma wang tunai kepada Yayasan tersebut layak diberi pelepasan cukai kepada penderma-pendermanya. Menurut surat daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri bertarikh 30 Mac 2021, tempoh kelulusan untuk Yayasan di bawah subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 ini adalah 5 tahun sehingga 31 Disember 2025.

KENYATAAN OLEH PEMEGANG AMANAH DAN PENGAKUAN BERKANUN

KENYATAAN OLEH PEMEGANG AMANAH MENURUT SEKSYEN 251(2) AKTA SYARIKAT 2016

Kami, Rozaini bin Mohd Sani dan Bukhari bin Abd Rahman, dua orang daripada pemegang amanah Yayasan Johor Corporation, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat para pemegang amanah, penyata kewangan yang dibentangkan pada mukasurat 4 hingga 11 telah disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") dan Peruntukan Akta Syarikat 2016 di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Yayasan pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan serta aliran tunai Yayasan bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.



Rozaini bin Mohd Sani
Pemegang Amanah



Bukhari bin Abd Rahman
Pemegang Amanah

Tarikh: **13 MAR 2023**

74

PENGAKUAN BERKANUN MENURUT SEKSYEN 251(1)(b) AKTA SYARIKAT 2016

Saya, Noor Ruzilawati binti Ruddin, pegawai yang terutamanya bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Yayasan Johor Corporation dengan tulus ikhlas dan sesungguhnya menyatakan bahawa penyata kewangan yang dibentangkan pada mukasurat 4 hingga 11 adalah pada pendapat saya betul dan saya membuat pengakuan ini dengan sesungguhnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan menurut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh penama)
yang tersebut di atas, Noor Ruzilawati binti)
Ruddin di Johor Bahru dalam Negeri)
Johor Darul Takzim pada **13 MAR 2023**)



Noor Ruzilawati binti Ruddin

Dihadapan saya



Pesuruhjaya Sumpah

No. 29-01, Jalan Padi Emas 3/1
Bandar Baru Uda,
81200 Johor Bahru

LAPORAN JURUAUDIT KEPADA AHLI-AHLI

LAPORAN KE ATAS LAPORAN KEWANGAN

Pendapat

Kami telah memeriksa penyata kewangan Yayasan Johor Corporation, yang mengandungi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2022, penyata untung atau rugi dan lain-lain pendapatan komprehensif, penyata perubahan dana serta penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, senarai dasar-dasar perakaunan utama dan lain-lain nota penerangan yang dibentangkan di mukasurat 4 hingga 11.

Pada pendapat kami, penyata kewangan Yayasan telah disediakan dengan sewajarnya menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRSs"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRSs") dan Akta Syarikat 2016 di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Yayasan pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Asas bagi Pendapat

Kami telah menjalankan audit menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami menurut piawaian tersebut dihuraikan dengan lebih lanjut di seksyen "Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan" di dalam laporan ini. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah kepada pendapat kami.

Kebebasan dan Lain-lain Tanggungjawab Etika

Kami adalah bebas daripada Yayasan mengikut Undang-undang Kecil (pada Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Akauntan Profesional, Kod Etika Antarabangsa untuk Akauntan Profesional (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa) ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain mengikut Undang-undang Kecil dan Kod IESBA.

Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit

Pemegang amanah Yayasan bertanggungjawab untuk lain-lain maklumat. Lain-lain maklumat terdiri daripada Laporan Pemegang Amanah, tidak termasuk penyata kewangan Yayasan dan Laporan Juruaudit.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Yayasan tidak meliputi lain-lain maklumat dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan kesimpulan mengenainya.

Berhubung dengan audit kami terhadap penyata kewangan Yayasan, tanggungjawab kami adalah untuk mentafsir lain-lain maklumat dan, dengan berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada terdapat lain-lain maklumat yang ketara dan tidak selaras dengan penyata kewangan Yayasan atau berbeza dengan maklumat yang diperolehi semasa pengauditan, atau terdapat salahnyata yang ketara.

Sekiranya, berdasarkan kerja yang telah kami jalankan, kami membuat kesimpulan bahawa ada salahnyata yang ketara pada lain-lain maklumat ini, kami dikehendaki untuk melaporkan fakta tersebut. Dalam hal ini, kami tidak mempunyai sebarang fakta untuk dilaporkan.

LAPORAN JURUAUDIT KEPADA AHLI-AHLI

Tanggungjawab Pemegang Amanah kepada Penyata Kewangan

Pemegang amanah Yayasan bertanggungjawab bagi penyediaan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama berdasarkan kepada Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan peruntukan Akta Syarikat 2016 di Malaysia dan mewujudkan sistem kawalan dalaman yang dirasakan perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan bebas daripada sebarang salahnyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Yayasan, pemegang amanah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Yayasan untuk meneruskan operasi secara berterusan, mendedahkan yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan andaian berterusan dan menggunakan asas perakaunan andaian berterusan, melainkan jika pemegang amanah berhasrat untuk membubarkan Yayasan atau untuk menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik kecuali berbuat demikian

Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi jaminan munasabah sama ada penyata kewangan Yayasan secara keseluruhannya bebas daripada salahnyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan munasabah adalah jaminan tahap tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa sesuatu audit yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salahnyata yang ketara apabila ia wujud. Salahnyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap penting jika, secara individu atau dalam agregat, mereka dijangka boleh mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil oleh pengguna berdasarkan kepada penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional di sepanjang audit. Kami juga:

- Mengenalpasti dan menilai risiko salahnyata yang ketara pada penyata kewangan Yayasan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, reka bentuk dan melaksanakan prosedur audit responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi serta sesuai untuk memberi asas yang munasabah. Risiko tidak mengesan salahnyata akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi jika dibandingkan daripada yang terhasil akibat satu kesilapan, disebabkan penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan dengan sengaja, gambaran yang salah, atau melampaui kawalan dalaman.
- Memperolehi pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Yayasan.
- Menilai kesesuaian polisi-polisi perakaunan yang digunakan dan anggaran perakaunan yang munasabah serta pendedahan berkaitan, yang dibuat oleh pemegang amanah.

LAPORAN JURUAUDIT KEPADA AHLI-AHLI

Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan (samb)

Kami juga: (Samb)

- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian pemegang amanah menggunakan asas perakaunan andaian berterusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidakpastian yang ketara wujud berkaitan dengan peristiwa-peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan ke atas keupayaan Yayasan untuk terus beroperasi secara berterusan. Jika kesimpulan dibuat bahawa ketidakpastian yang ketara wujud, kami dikehendaki untuk mendedahkan ketidakpastian tersebut di dalam penyata kewangan Yayasan atau, sekiranya pendedahan tersebut tidak mencukupi, kami perlu mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan boleh menyebabkan Yayasan untuk berhenti daripada terus beroperasi secara berterusan.
- Menilai keseluruhan pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan Yayasan, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan mewakili asas usniaga serta peristiwa untuk mencapai pembentangan yang saksama.

Kami berkomunikasi dengan pemegang amanah mengenai, antara lain, skop yang dirancang, jangka masa audit serta penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa audit kami.

Lain-lain Hal

Laporan ini dibuat kepada ahli-ahli Yayasan, sebagai suatu badan, menurut Seksyen 266 Akta Syarikat, 2016 di Malaysia dan bukan untuk tujuan-tujuan lain. Kami tidak menerima tanggungjawab terhadap mana-mana pihak lain tentang kandungan laporan ini.



AZMAN, WONG, SALLEH & CO
No.: AF 0012
Akauntan Bertauliah



NG ENG KIAT
No.: 01064/03/2023 J
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur,
Tarikh: **13 MAR 2023**

SEKALUNG PENGHARGAAN

PENAJA UTAMA YAYASAN JCORP



RAKAN STRATEGIK YAYASAN JCORP

Kementerian Pendidikan Malaysia

Jabatan Pendidikan Negeri Johor

Kerajaan Negeri Johor

Majlis Agama Islam Negeri Johor

Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU)
Jabatan Perdana Menteri

Deloitte Malaysia

Petronas

The Asia Foundation

Global Sadaqah

Perbadanan Tabung Pendidikan
Tinggi Nasional (PTPTN)

Human Resource Development
Corporation (HRD Corp)

Jabatan Pembangunan Kemahiran

Unit Strategik Modal Insan
Johor (SMI)

Yayasan Kanser Tunku
Laksamana Johor

Yayasan Raja Zarith Sofiah
Negeri Johor

Persekutuan Majikan-Majikan
Malaysia (MEF)

Jabatan Pertanian Johor

Lembaga Pemasaran Pertanian
Persekutuan (FAMA)

Majlis Amanah Rakyat (MARA)

Jabatan Kebajikan Masyarakat

Perpustakaan Awam Johor

Johor Skills Development Centre

Kolej Komuniti Malaysia

Southern Volunteers

Media

Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Kerjasama Rakyat

Malayan Banking Berhad

Azman, Wong, Salleh & Co



MEWUJUDKAN NILAI MAMPAN UNTUK SEMUA PIHAK BERKEPENTINGAN KAMI

Kami komited untuk mewujudkan nilai mampan untuk semua pihak berkepentingan kami termasuk para pelanggan, anggota pekerja, pemegang saham, dan masyarakat setempat di mana kami beroperasi.

Ini dapat dicapai melalui penumpuan kepada amalan mesra alam, tanggungjawab sosial, dan tadbir urus yang beretika. Dengan menggabungkan nilai-nilai tersebut dalam operasi kami, kami berusaha mencipta impak yang positif lebih daripada manfaat pulangan kewangan.

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL



@johorplantationsberhad



CONGRATULATIONS!

KPJ Healthcare Berhad is committed to providing best-in-class patient services and care across our network of hospitals nationwide. We strongly believe that operational excellence and patient safety are integral components of quality healthcare, and are therefore extremely honoured to receive these awards which is a testament of KPJ Healthcare's commitment in being at the forefront of healthcare in the nation.

Congratulations **#TeamKPJ!** To our doctors, nurses, as well as all other medical and non-medical staff: Thank you for your unwavering dedication in reaching greater heights.



A JCORP Company

Copyright © KPJ Healthcare Berhad. 199201015575 (247079-M)



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.




YAYASAN JOHOR CORPORATION

Aras 18, Menara KOMTAR
JBCC, 80000 Johor Bahru
Johor Darul Takzim, Malaysia.


Tel: 607-219 2692

Emel: yayasanjcorp@jcorp.com.my


yayasanjcorp.com.my

 [@yayasanjohorcorporation](https://www.facebook.com/yayasanjohorcorporation)




 [@yayasanjohorcorporation](https://www.instagram.com/yayasanjohorcorporation)



 [youtube.com/yayasanjohorcorporation](https://www.youtube.com/yayasanjohorcorporation)



 [@yayasanjcorp](https://www.tiktok.com/@yayasanjcorp)

